



HALA TUJU IMPAK LESTARI GAMBARAN SEKTOR PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) MALAYSIA



Kolaborasi bersama Rakan Kongsi Pengetahuan:



Disokong oleh:



Global Compact
Network
Malaysia & Brunei



KANDUNGAN

01 Mengenai Laporan Ini

Muka Surat 4

02 Latar Belakang Kajian

Muka Surat 11

03 Pendekatan dan Metodologi

Muka Surat 15

04 Penemuan Utama

Muka Surat 17

05 Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus [Environmental, Social and Governance (ESG)] di Malaysia

Muka Surat 21

06 Perbandingan Sektor

Muka Surat 46


07 Hala Tuju Masa Hadapan

Muka Surat 60



SILA IMBAS

kod QR untuk melihat laporan dalam talian melalui laman web yang berikut: <https://www.alliancebank.com.my/esg-sme-survey-2025>



PERUTUSAN MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

Makluman: Perutusan ini adalah berdasarkan laporan asal yang diterbitkan di dalam Bahasa Inggeris pada 21 Januari 2025.



Perubahan iklim sedang melanda dunia dan semua negara berlumba-lumba untuk membina masa hadapan yang lestari dan berdaya saing. Malaysia juga sedang mengambil langkah tegas untuk menangani cabaran ini dengan berpegang pada aspirasi bersama untuk menjamin masa hadapan yang gemilang bagi generasi akan datang.

NIK NAZMI NIK AHMAD

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 merupakan pelan hala tuju kritikal untuk mencapai kemajuan negara ke arah pelepasan gas rumah hijau sifar bersih menjelang tahun 2050.

Sehubungan dengan itu, dengan sukacitanya saya ingin memberi penghargaan ke atas kerjasama antara Alliance Bank Malaysia Berhad dengan Monash University Malaysia, Zurich Malaysia, Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei Darussalam [United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB)], SME Corporation Malaysia, INCEIF University, Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia [Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)], dan rakan sinergi utama yang lain kerana mempelopori Laporan Kajian Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) terkini yang memfokuskan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia. Gambaran yang disediakan dalam Laporan ESG sangat bermakna bagi kedua-dua sektor awam dan swasta, memandangkan kerjasama antara kedua-dua pihak tersebut penting dalam membentuk pelbagai dasar untuk membuat keputusan termaklum dan progresif.

PKS merupakan tulang belakang ekonomi negara yang mengintegrasikan amalan terbaik yang mendukung aspirasi ESG negara. Laporan ini merupakan sumber penting dalam memberikan gambaran dan panduan strategik yang membolehkan tindakan diambil oleh PKS untuk menguruskan risiko ESG dengan berkesan, di samping memberikan penekanan pada aspek penting PKS dalam pasaran yang kompetitif dan berkembang maju pada peringkat tempatan dan global. Melalui penerbitan laporan ini, kepentingan PKS dan agenda ESG dapat ditonjolkan seiring dengan kepercayaan yang diberikan kepada Malaysia dalam memegang jawatan Pengerusi Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara [Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)] pada tahun 2025.

Komitmen Malaysia terhadap Sumbangan Ditentukan Negara [Nationally Determined Contribution (NDC)] di bawah Perjanjian Paris tidak berbelah bahagi. Keputusan yang dibuat pada hari ini akan menentukan legasi yang ditinggalkan untuk anak dan cucu kita pada masa hadapan. Saya menggalakkan semua pihak berkepentingan, seperti ahli korporat, penggubal dasar dan masyarakat agar memanfaatkan laporan ini sebagai panduan dalam mencapai segala yang dihasratkan.

Marilah kita bersama-sama menggembungkan tenaga bagi memastikan negara kita, Malaysia terus kekal lestari, makmur dan cemerlang untuk diwarisi oleh generasi yang akan datang.



01

MENGENAI LAPORANINI

“Sebagai “Bank Sepanjang Hayat” (The Bank for Life), kami berusaha untuk bergerak seiring dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam pelbagai peringkat kitaran perniagaan dan perjalanan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Untuk menyokong peranan ini, kami bertuah kerana mempunyai ekosistem rakan kongsi yang kukuh, seperti Monash University Malaysia, Zurich Malaysia, Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Malaysia dan Brunei Darussalam (UNGCMYB), Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC), SME Corporation Malaysia, dan INCEIF University dalam membantu kami merancang panduan keseluruhan bagi PKS menggabungkan ESG dalam perniagaan mereka. Pada tahun ini, kami menyediakan Laporan “Hala Tuju Impak Lestari - Gambaran Sektor PKS Malaysia” yang memberikan gambaran menyeluruh tentang landskap ESG dalam kalangan komuniti perniagaan tempatan serta menonjolkan kemajuan dan potensi PKS Malaysia ke arah ekonomi yang lestari.”

DR AARON SUM WEI WERN

Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi Kumpulan Alliance Bank Malaysia Berhad

Bab 1 - Mengenai Laporan Ini

MENGENAI LAPORANINI

Komitmen Alliance Bank dalam memupuk perubahan positif di kalangan komuniti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia sesungguhnya tidak berbelah bagi. Tahun ini merupakan tahun kedua kami menyokong amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang mantap bertujuan memacu pertumbuhan lestari dan berdaya tahan menerusi kajian meluas dalam sektor perniagaan tempatan.

Bekerjasama dengan Monash University Malaysia dan Zurich Malaysia, kami telah mentaulahkan laporan komprehensif untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang perspektif perniagaan tempatan dan PKS melalui penerapan amalan ESG dalam meningkatkan daya tahan perniagaan.

Laporan ini meninjau:



Kesedaran dan Penerimagunaan ESG

Menganalisis tahap semasa kesedaran dan penerapan ESG dalam PKS dengan memfokuskan kepada kemajuan yang dicapai sejak pengenalan laporan tinjauan ESG yang pertama, iaitu "Gambaran ESG daripada PKS Malaysia: Membina Masa Depan Bersama yang Lebih Baik".



Tiga Langkah Rangka Kerja Penerapan ESG

Memperincikan Pendekatan 3A (Advocacy, Advice & Answers), Alliance Bank: Menyokong, Menasihat dan Menjawab untuk membantu PKS mengemudi perjalanan ESG dan fasa berstruktur dalam integrasi ESG bagi PKS.



Perbezaan Sektor

Mengetengahkan cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pelbagai sektor, seperti pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan, serta menawarkan strategi yang disesuaikan untuk setiap sektor.



Gambaran Masa Hadapan

Memberikan gambaran masa hadapan penerimagunaan ESG oleh PKS di Malaysia, termasuklah arah aliran semasa, cabaran dan peluang pertumbuhan.

Secara keseluruhan, laporan PKS bertujuan memberikan PKS gambaran dan strategi praktikal bagi membantu PKS mengemudi perjalanan ke arah kelestarian.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

Laporan ESG 2.0 menonjolkan penyampaian strategi dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bersasar yang direka cipta khusus untuk pelbagai industri. Saya yakin bahawa laporan ini bermanfaat kepada sektor perniagaan dan komuniti yang lebih luas.

KELLEE KAM

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Alliance Bank Malaysia Berhad



Bab 1 - Mengenai Laporan Ini

Dalam mengemudi ESG yang sentiasa berkembang, laporan tahun ini menerangkan tentang perubahan ketara profil ESG merentas pelbagai sektor. Analisis sektor ini menawarkan gambaran yang tidak ternilai bagi membolehkan kami mencipta strategi yang disesuaikan untuk memacu penambahbaikan selanjutnya dan pertumbuhan lestari.

Laporan ESG 2.0 ini menonjolkan penyampaian strategi dan alat ESG bersasar yang memfokuskan kepada pelbagai industri, seperti pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan. Fokus ini menjadikan laporan ini bukan sahaja praktikal, tetapi selari dengan cabaran dan peluang setiap sektor.

Kajian ini mendedahkan peningkatan ketara kesedaran sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tentang ESG. Sejak penerbitan laporan sulung kami, iaitu "Gambaran ESG daripada PKS Malaysia: Membina Masa Depan Bersama yang Lebih Baik", kesedaran ESG telah meningkat hampir enam kali ganda, malah kini merangkumi 80% daripada PKS, terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Penerimaan ESG juga telah meningkat dua kali ganda, dengan sektor pembuatan menunjukkan kemajuan yang paling ketara.

Meskipun kesedaran dan penerimaan ESG dalam sektor PKS sangat menggalakkan di negara ini, garis panduan dan rangka kerja ESG sentiasa berkembang dan hal ini mungkin sukar bagi PKS untuk menyesuaikan garis panduan atau pendekatan yang terbaik untuk organisasi semasa PKS dalam menuju kecemerlangan.

Oleh itu, laporan tahun ini bertujuan membimbing PKS dalam memacu perjalanan ESG perniagaan dengan:

- (1) Memberikan gambaran khusus sektor dengan lebih mendalam.
- (2) Menyerlahkan peluang utama yang dapat direbut oleh PKS daripada penerimaan ESG.
- (3) Menawarkan panduan utama dalam perancangan dan pelaksanaan strategi.

Sehubungan dengan itu, saya yakin laporan ini sangat bermanfaat bagi PKS dan komuniti yang lebih luas.

PERUTUSAN PRESIDEN DAN PRO-NAIB CANSELOR, MONASH UNIVERSITY MALAYSIA



**YBHG. PROFESOR DATO' DR.
AEEBA KAMARULZAMAN**

Presiden dan Pro-Naib Canselor,
Monash University Malaysia

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada rakan sekerja daripada Fakulti Perniagaan Monash University Malaysia, iaitu Dr. Mohan Avvari dan Dr. Karren Khaw yang telah menyediakan laporan yang tuntas. Laporan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang penerimaan ESG oleh sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia, dan saya yakin bahawa laporan ini bukan hanya bermanfaat kepada sektor perniagaan, tetapi juga kerajaan, institusi pendidikan dan komuniti yang menyokong sektor PKS ke arah pencapaian terbaik dalam industri. Penemuan ini merupakan hasil kolaboratif antara universiti dengan industri dan masyarakat dalam membentuk masa depan yang lebih mampan bersama-sama. Saya amat teruja untuk menyaksikan kemajuan yang begitu bermakna.

Penerimaan amalan ESG penting bagi PKS untuk kekal berdaya saing dalam ekonomi. Kami berharap laporan ini dapat memacu peningkatan kesedaran sektor PKS terhadap prinsip ESG. PKS terus bersedia menghadapi pelbagai cabaran, seperti kos pelaksanaan yang tinggi dan kekeliruan akibat garis panduan berbeza-beza daripada pelbagai pihak berkepentingan. Cabaran ini mempunyai implikasi yang ketara kepada penggubal dasar dan organisasi sokongan. Walau bagaimanapun, lebih banyak PKS memperoleh nilai dalam pelbagai inisiatif, seperti Panduan Penzahiran ESG Ringkas oleh Capital Markets Malaysia (syarikat gabungan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia) dan Panduan Pelaporan Kelestarian oleh Bursa Malaysia.

Kajian ini juga mendedahkan perbezaan sektor dari segi penerimaan ESG dalam sektor pembuatan menunjukkan penerimaan yang lebih kukuh berbanding sektor perkhidmatan. Hal ini menggariskan kepentingan dasar yang khusus untuk sektor dan keperluan bagi pendekatan yang disesuaikan oleh pengawal selia. Bagi memastikan kejayaan integrasi ESG, kerjasama antara pihak berkepentingan utama, termasuklah kerajaan, persatuan perniagaan, institusi pendidikan dan komuniti adalah penting.

Sebagai sebuah institusi yang sangat komited dalam menyokong kesinambungan komuniti tempatan, Monash University Malaysia berharap dapat bekerjasama erat dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk membantu sektor PKS Malaysia mengemudi perjalanan ESG dan akhirnya berkembang maju pada peringkat global.

Bab 1 - Mengenai Laporan Ini

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / KETUA NEGARA, ZURICH MALAYSIA



JUNIOR CHO

Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Negara,
Zurich Malaysia

Sebagai syarikat insurans global yang telah lama wujud di Malaysia, Zurich Malaysia sangat komited dalam menyokong pertumbuhan dan kelestarian perniagaan pelbagai skala. Kami teruja untuk bekerjasama dengan Alliance Bank dalam membentangkan Laporan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) 2.0. Selain itu, panduan yang komprehensif direka bentuk untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengintegrasikan pertimbangan ESG dalam operasi mereka dengan lancar.

Pada perspektif syarikat insurans, ESG telah menjadi faktor penting dalam penilaian risiko dan pengunderitan (underwriting). Syarikat yang menerima pakai amalan ESG yang kukuh, cenderung lebih berdaya tahan, stabil dari segi kewangan dan kurang terdedah kepada potensi risiko. Dengan melabur dalam ESG, PKS dapat meningkatkan reputasi, menambah baik imej jenama dan akhirnya mewujudkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan.

Amalan ESG bukan sekadar strategi bagi Zurich Malaysia, tetapi merupakan bahagian teras misi kami untuk dapat menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan untuk masa hadapan. Kami menyokong inisiatif yang bermakna, seperti menyediakan dana yang berkaitan dengan pelaburan hijau dan program daya tahan iklim komuniti. Komitmen kami adalah untuk mencapai hasil sifar bersih, mengurangkan jejak alam sekitar dan menggalakkan amalan perniagaan terbaik yang mendukung aspirasi “Membina Masa Depan Bersama yang Lebih Baik.” Kami berhasrat memberikan pelibatan bermakna dan berimpak tinggi dalam mengaplikasikan amalan ESG.

Kami komited dalam menyokong PKS ke arah penerapan ESG yang berkesan. Rangkaian penyelesaian insurans dan takaful dapat membantu PKS menangani risiko dan merebut peluang yang berkaitan dengan ESG. Selain itu, kami mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai perkongsian awam dan swasta yang membina ekosistem untuk menggalakkan pembangunan lestari dan tanggungjawab sosial.

Kami berharap dapat meneruskan kerjasama dengan Alliance Bank dan menyokong pertumbuhan dan kejayaan sektor PKS di Malaysia.

PERINTIS LAPORAN



Alliance Bank komited dalam menawarkan penyelesaian kewangan dan bukan kewangan yang pelbagai, merentas sektor pengguna, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), korporat, komersial dan perbankan Islam. Mendukung tujuan jenama “Bank Sepanjang Hayat”, Alliance Bank yakin dapat memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah dan bersedia berkhidmat sebagai rakan perbankan yang boleh dipercayai dalam kehidupan pelanggan.

Dengan visi perbankan berorientasikan komuniti, Alliance Bank bergerak seiring dengan komuniti melalui pendekatan pelbagai saluran. Pelanggan dapat berinteraksi dengan Alliance Bank melalui rangkaian perkhidmatan cawangan runcit, pusat perbankan istimewa, pusat perniagaan, dan perbankan digital. Alliance Bank menyasarkan untuk menjalinkan hubungan dengan komuniti setempat.



Monash University Malaysia, ditubuhkan pada tahun 1998 dan merupakan kampus universiti ketiga terbesar di Australia dan kampus universiti asing pertama di Malaysia. Universiti ini menjalankan penyelidikan utama dan disenaraikan dalam kategori 50 universiti terbaik dunia oleh *QS World University Rankings 2024* dan merupakan anggota universiti berprestij *Australia Group of Eight (Go8)*.

Monash University juga disenaraikan pada kedudukan 54 dalam *Times Higher Education World University Rankings* terkini. Sebagai sebuah universiti akreditasi sendiri, universiti ini menawarkan persekitaran antarabangsa dengan silang budaya yang terdiri daripada hampir 9,300 pelajar dari 79 negara.

Monash University Malaysia, termasuk Jeffrey Cheah School of Medicine and Health Sciences, dimiliki penuh dan dikendalikan oleh Monash University sejak tahun 2020.



Zurich Malaysia ialah istilah rujukan kolektif bagi syarikat subsidiari Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia, iaitu Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad.

Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif serta membantu individu dan pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan aset mereka daripada risiko. Selain itu, Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar utama di seluruh negara serta agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan.

02

LATAR BELAKANG KAJIAN

“Fakulti Perniagaan, Monash University Malaysia komited dalam memberikan kaedah terbaik menjalankan perniagaan dan berbesar hati menjadi sebahagian daripada projek penting negara berhubung dengan penerimangunaan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Inisiatif ini merupakan kolaborasi antara anggota akademia, perniagaan, dan masyarakat dengan komponen penyelidikan yang memfokuskan kepada kajian di seluruh negara tentang penerimangunaan ESG oleh PKS. Laporan kajian ini memberikan gambaran menyeluruh ESG, mengetengahkan peluang penggubal dasar dalam membangunkan langkah dan strategi sokongan yang membolehkan PKS mengintegrasikan amalan kelestarian dan ESG, serta membantu ahli PKS menjadi lebih berdaya tahan dan memperoleh kelebihan persaingan.”

DR AVVARI V. MOHAN

Profesor (Inovasi & Strategi) dan Timbalan Ketua (Penglibatan & Impak),
Fakulti Perniagaan, Monash University Malaysia

LATAR BELAKANG KAJIAN

Peralihan kelestarian yang positif merupakan suatu usaha kolektif dan perkara yang melibatkan komuniti secara keseluruhannya. Sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia, PKS memainkan peranan utama. Sehingga tahun 2023, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membentuk 97% daripada kesemua perniagaan di Malaysia, dengan 30% daripadanya terdiri daripada PKS yang menyumbang sebanyak 39% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK)¹. PKS perlu menyesuaikan dan mentransformasikan perniagaan semasa kerana pada umumnya PKS mengalami penstrukturkan semula yang ketara dengan mengambil kira kesan keadaan iklim dan jangkaan baharu tentang isu sosial dan tadbir urus. Meskipun semakin banyak ekokeusahawanan dan PKS yang proaktif memandang serius tentang masalah iklim, masih banyak perkara yang perlu dilakukan untuk membantu PKS dalam menuju kecemerlangan.

Bantuan Permulaan ke Arah Kelestarian Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Kesedaran awal dan perancangan proaktif membolehkan PKS menerima pakai amalan ESG dengan lebih baik, meningkatkan daya tahan dan prestasi keseluruhan dalam menghadapi pelbagai risiko, jangkaan dan peluang yang berkaitan dengan kelestarian.

Dengan adanya kajian, gambaran dan panduan yang komprehensif, PKS dapat menggunakan sumber ini untuk memperoleh kelebihan persaingan dan menarik pelanggan serta pekerja baharu bagi menjamin masa depan perniagaan. Oleh itu, dalam kajian ini, kami telah menyediakan penilaian komprehensif yang berkaitan dengan kelestarian dalam landscape PKS dan mengenal pasti isu utama yang mungkin memberikan kesan penerimangunaan ESG dalam kalangan PKS di Malaysia.



ALAM SEKITAR	SOSIAL	TADBIR URUS
Kesan terhadap perniagaan yang berkaitan dengan alam sekitar:	Kesan perniagaan terhadap masyarakat:	Kesan perniagaan secara dalaman:
<ul style="list-style-type: none"> Strategi perubahan iklim Pengurangan sisa Pemuliharaan sumber Pencemaran udara dan air 	<ul style="list-style-type: none"> Pampasan pekerja Kepelbagai dan keterangkuman Hubungan pekerja Kesihatan dan keselamatan tempat kerja Perlindungan data dan dasar privasi Pelibatan komuniti Program tanggungjawab sosial korporat [corporate social responsibility (CSR)] Sokongan hak asasi manusia 	<ul style="list-style-type: none"> Kepimpinan dan pengurusan syarikat Komposisi Lembaga Pengarah, termasuklah kepelbagai dan struktur Dasar pampasan eksekutif Ketelusan kewangan dan organisasi Amalan perniagaan beretika

¹⁾ Statistik PMKS (2020, 11 Februari). Profil & Prestasi PMKS pada tahun 2023. SME Corporation Malaysia. <https://www.smeCorp.gov.my/index.php/en/policies/2020-02-11-08-01-24/sme-statistics>

Bab 2 - Latar Belakang Kajian

Penilaian Landscape Semasa Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia

Pada tahun 2023, laporan tinjauan ESG "Gambaran ESG daripada PKS Malaysia: Membina Masa Depan Bersama yang Lebih Baik", "Laporan ESG 1.0" atau "ESG 1.0", memberikan gambaran tentang PKS di Malaysia berkenaan dengan amalan ESG. Laporan ini menyatakan terdapat tiga daripada lima PKS percaya bahawa penerapan amalan ESG dalam perniagaan dapat mewujudkan nilai jangka panjang, membina tenaga kerja berdaya tahan, dan membuka peluang perniagaan baharu. Laporan ini juga menekankan bahawa 80% daripada pengamal ESG menerima penjimatan kos, pengukuhan reputasi jenama dan peningkatan keuntungan serta produktiviti. Sebaliknya, bukan pengamal ESG mendapati terdapat tiga cabaran utama, seperti ketidakpastian kesan ESG terhadap perniagaan, pengetahuan terhad tentang amalan ESG, dan kekangan kewangan. Walau bagaimanapun, dua pertiga daripada bukan pengamal ESG berminat dan terbuka untuk menerima pakai amalan ESG pada masa-masa yang akan datang, menekankan bahawa sokongan kewangan daripada pihak bank, latihan tajaan dan insentif cukai dapat memudahkan peralihan ke arah kelestarian secara ketara.

Berasaskan kesan positif Laporan ESG 1.0 edisi kedua "Hala Tuju Impak Lestari - Gambaran Sektor PKS Malaysia", "Laporan ESG 2.0" atau "ESG 2.0" mendapati peningkatan enam kali ganda kesedaran ESG dalam sektor PKS di Malaysia. Kadar kesedaran ini melonjak daripada 14% kepada 80% dalam dua tahun yang lepas. Keadaan ini mencerminkan peningkatan kesedaran dalam sektor PKS tentang kepentingan kelestarian dalam landscape perniagaan berdaya saing.

Pada tahun ini, kami menjalankan kajian dengan lebih mendalam terhadap empat sektor utama, iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, dan pertanian. Laporan ESG 2.0 mengatasi gambaran umum dengan memberikan analisis sektor secara mendalam tentang tahap kesedaran dalam sektor PKS, kadar penerimaan amalan ESG dan cabaran dalam memenuhi pengawalseliaan yang berkaitan dengan kelestarian serta permintaan operasi. Pada tahap ini, kami meneroka kemajuan PKS di Malaysia, menilai kesediaan untuk memenuhi pengawalseliaan yang berevolusi, pasaran, jangkaan kewangan, serta mengenal pasti peluang yang muncul untuk pertumbuhan. PKS yang dilengkapi gambaran dan cadangan yang terbaik membolehkan tindakan diambil dalam memperkasakan perniagaan serta mencapai impak lestari, kecekapan operasi, dan kejayaan jangka panjang.



SILA IMBAS

kod QR untuk mengetahui lebih lanjut tentang Laporan ESG 1.0

Soalan Utama dalam Laporan ESG 2.0

Apakah tahap penerimagaunaan semasa ESG bagi sektor PKS dalam segmen dan sektor yang disasarkan?

1

Apakah persamaan dan/atau perbezaan penerimagaunaan ESG terhadap sektor PKS dalam segmen dan sektor yang disasarkan?

2

Apakah cabaran yang dihadapi oleh setiap segmen dan sektor ESG yang disasarkan, apabila menerima pakai amalan kelestarian?

3

Apakah jenis bantuan yang diperlukan oleh setiap segmen dan sektor ESG, yang disasarkan untuk menerima pakai amalan kelestarian?

4

Apakah yang boleh dilakukan oleh penyedia perkhidmatan dan/atau institusi kewangan untuk membantu setiap segmen dan sektor ESG yang disasarkan menerima pakai amalan kelestarian?

5

Dalam Laporan ESG 2.0 ini, kami menyenaraikan soalan utama untuk dijawab bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang situasi semasa di Malaysia.



03

PENDEKATAN DAN METODOLOGI

“Sektor PKS mempunyai kuasa untuk memacu perubahan ketara. Melalui penerapan prinsip ESG dalam nilai teras perniagaan, PKS dapat mencetuskan kesan yang melangkaui sempadan dan industri. Dengan masa depan yang berada dalam genggaman dan komitmen yang tidak berbelah bagi, kami dapat mencapai impak sifar bersih dalam menjamin dunia yang berkembang maju dan lestari bagi generasi yang akan datang.”

TERESA WONG

Ketua Pegawai Risiko (Segmen Am) / Ketua Risiko Kelestarian, Zurich Malaysia

A: Pendekatan Kajian

Kajian ESG 2.0 menerima pakai metodologi tiga langkah komprehensif untuk menaksir dan menilai landskap semasa sektor PKS di Malaysia, iaitu:

1. Menetapkan konteks dengan mengkaji semula secara teliti dan merangka penulisan literatur dan kajian.
2. Melibatkan secara langsung pihak berkepentingan untuk mengukur daya maju PKS di Malaysia.
3. Memanfaatkan gambaran yang dipacu oleh data dan mencadangkan strategi untuk membolehkan PKS membuat keputusan berdasarkan maklumat yang lengkap.

Objektif kajian ini adalah untuk mengumpulkan gambaran tentang kesediaan PKS memenuhi tuntutan pengawalseliaan, pasaran, dan kewangan baharu. Sekiranya perniagaan di Malaysia menerima pakai amalan ESG, di manakah sektor PKS memulakannya? Apakah keimbangan sektor PKS? Adakah sektor PKS menghadapi cabaran dalam sektor tertentu? Adakah terdapat jurang untuk penambahbaikan dari segi dasar? Apakah jenis sokongan yang disasarkan yang didapati paling sesuai untuk keperluan sektor PKS?

B: Metodologi

Bagi menjawab soalan ini, kajian ini memfokuskan kepada tiga cara untuk mendapatkan data yang terbaik, iaitu tinjauan dalam talian sebagai metodologi utama, disokong oleh penyelidikan sekunder dan pelibatan pihak berkepentingan, seperti yang berikut:



- **Tinjauan dalam talian** merujuk kepada tinjauan yang disasarkan kepada pemilik PKS. Kami menjalankan tinjauan dalam talian dengan menerima maklum balas sebanyak 382. Responden terdiri daripada mereka yang berada dalam bidang yang berikut:

- 40% dalam bidang perkhidmatan	- 6% dalam bidang pertanian
- 35% dalam bidang pembuatan	- 2% dalam bidang perlombongan
- 16% dalam bidang pembinaan	dan pengkuarian

Tinjauan ini mengambil masa 20 minit untuk dilengkapkan dan merangkumi pelbagai topik yang berkaitan dengan pengalaman hidup sebenar, kekangan, arah aliran baru, dan hala tuju masa depan PKS. Tinjauan ini dikendalikan dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Mandarin.



- **Penyelidikan sekunder** merujuk kepada koleksi data sedia ada. Kami menjalankan kajian semula secara menyeluruh terhadap bahan-bahan yang sedia ada, berkenaan dengan ESG dan landskap PKS di Malaysia, termasuklah penerbitan, rekod statistik, kertas kerja akademik, laporan industri, tinjauan terdahulu, dan lain-lain.



- **Penglibatan pihak berkepentingan** merujuk kepada perbincangan dengan pihak berkepentingan utama dalam. Kami mengemukakan perbincangan ini di Simposium ESG PKS 2023 di Kuala Lumpur dan Bengkel ESG dan Tindakan Iklim untuk PKS di Sarawak, Malaysia.



04

PENEMUAN UTAMA


“Laporan ESG 2.0 menonjolkan peningkatan kesedaran ESG terhadap sektor PKS Malaysia, namun menggariskan keperluan mendesak terhadap peralihan kesedaran dalam tindakan.

Pada era ketika kelestarian membentuk kelebihan persaingan, laporan ini berfungsi sebagai alat yang penting bagi pihak berkepentingan untuk memacu penggunaan yang perlu demi masa depan bersama. Melalui Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei Darussalam [United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB)], kami berpegang kepada komitmen untuk memperkasakan perniagaan dengan pengetahuan dan alat supaya bersedia untuk ESG. Kami dengan ikhlas mengucapkan terima kasih kepada rakan kongsi atas sumbangan yang tidak ternilai dalam usaha merealisasikan kesedaran terhadap ESG.”

FAROZE NADAR

Pengarah Eksekutif, Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei Darussalam (UNGCMYB)

GAMBARAN ESG OLEH PKS: KESEDARAN, PENGAMALAN DAN PENDORONG UTAMA



Bab 4 - Penemuan Utama




Tiga Cabaran Utama Mengamalkan ESG

Laporan ESG 1.0



- Kekangan sumber
- Kekurangan maklumat / panduan
- Kekurangan kepakaran / pengetahuan dalam

Laporan ESG 2.0




- Insentif cukai
- Ketersediaan garis panduan rasmi ESG yang berkaitan dengan perniagaan syarikat
- Geran kerajaan




Tiga Sokongan Utama Diperlukan untuk Menggalakkan Pelaksanaan ESG

Laporan ESG 1.0



- Sokongan kewangan daripada bank
- Latihan dibiayai sektor swasta / awam / peluang pembelajaran
- Insentif cukai

Laporan ESG 2.0




- Banyak maklumat / garis panduan berbeza-beza
- Menelan belanja yang banyak untuk dilaksana
- Kekangan sumber

Tahap Penerimaan Tiga Fungsi Teras Utama ESG



Alam Sekitar



Sosial



Tadbir Urus



- Mengamalkan ● Meneroka ● Belum Mempertimbangkan / Tidak berkaitan dengan perniagaan

Perkara Utama

Meskipun kekangan sumber kekal sebagai cabaran utama pengamal ESG, PKS telah mengubah pandangan daripada kekurangan maklumat tentang ESG sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan ESG 1.0 kepada jumlah maklumat tentang ESG yang besar pada hari ini.

↳ [Sila rujuk muka surat 42](#)

Perkara Utama

Memandangkan lebih daripada separuh PKS menyatakan minat untuk mengamalkan ESG dalam tempoh dua tahun. Hal ini mewujudkan peluang yang tepat pada masanya untuk menyediakan sokongan kewangan bagi memudahkan penerimaan ESG dalam kalangan pengamal bukan ESG. Memandangkan PKS menerima jumlah maklumat yang banyak tentang ESG, garis panduan jelas, tepat dan relevan kepada PKS perlu disediakan bagi membantu perkembangan landscape ESG yang lebih berkesan.

↳ [Sila rujuk muka surat 43](#)

Perkara Utama

PKS menunjukkan fokus yang lebih kepada amalan tadbir urus dan sosial berbanding inisiatif alam sekitar, namun masih ada ruang untuk pertumbuhan merentas ketiga-tiga Fungsi Teras Utama, terutamanya dalam peralihan daripada penerokaan kepada pelaksanaan penuh.

↳ [Sila rujuk muka surat 36](#)

PERBANDINGAN SEKTOR



	ESG 1.0	14%	12%	18%	12%	19%
Tahap Kesedaran Umum ESG	ESG 2.0	80%	78%	84%	77%	61%
	ESG 1.0	28%	30%	28%	23%	31%
Tahap Penerimaan Umum ESG	ESG 2.0	60%	50%	69%	60%	48%
	ESG 1.0					

Perkara Utama

Antara semua sektor utama dalam PKS, sektor pembuatan menerajui kesedaran dan penerimaan ESG dengan jumlah yang tinggi. Hal ini kerana dorongan pasaran global bagi pematuhan ESG dan kelestarian, pematuhan pengawalan ketat, dan peningkatan keperluan bagi ketelusan di seluruh rantaian bekalan.

↳ [Sila rujuk muka surat 46](#)



Cadangan

Menerima pakai amalan ESG untuk meningkatkan daya saing PKS dan menyokong kelestarian serta pertumbuhan jangka panjang. Amalan kelestarian ternyata dapat menjimatkan kos dan membuka peluang pasaran baharu. Bagi membantu PKS dalam perjalanan ESG, Alliance Bank telah bekerjasama dengan rakan kongsi utama untuk menyediakan ekosistem sokongan, panduan dan penyelesaian inovatif yang komprehensif bagi membantu PKS memulakan perjalanan ke arah kecemerlangan dalam perniagaan.



05

LANDSKAP ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) DI MALAYSIA

“Laporan ESG 2.0 menyatakan ketersediaan ekosistem ESG memberikan penunjuk tahap pemahaman asas dan jurang yang perlu diatasi oleh semua pihak berkepentingan bagi menyokong matlamat sifar bersih negara. Selari dengan pembentukan dasar bagi ESG di bawah Kementerian Ekonomi dan disokong oleh agensi kerajaan lain, seperti Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia [Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)], penemuan daripada laporan penyelidikan ini memberikan gambaran mendalam dalam pelbagai sektor untuk membuat keputusan termaklum. MGTC komited untuk memudahkan semua pemain industri daripada pelbagai sektor melalui insentif hijau kerajaan, menyokong inisiatif peredaan (abatement) menerusi penerimaan teknologi hijau, dan memupuk PKS dalam keperluan pelaporan ESG.”

ELINA BINTI JANI

Ketua Pegawai Eksekutif Greentech Ideaslab

Subsidiari Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia
[Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)]

TINJAUAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) SEMASA – KOMITMEN MALAYSIA KE ARAH KELESTARIAN

PKS merupakan penyumbang penting pertumbuhan ekonomi di dunia, termasuklah di Malaysia. Sebagai tulang belakang ekonomi domestik dan pemain utama dalam rantaian bekalan domestik dan global, sektor PKS penting bagi membantu Malaysia beralih kepada ekonomi rendah karbon dioksida yang menyokong usaha global untuk mengurangkan kesan berbahaya perubahan iklim. Pihak-pihak yang berkenaan secara berterusan berusaha untuk membantu peniaga PKS supaya mampu bertahan pada masa hadapan dan mengintegrasikan amalan ESG dalam perniagaan. Kerajaan Malaysia bersama dengan agensi yang berkaitan, badan kawal selia, dan NGO, merupakan salah satu penyokong kuat kelestarian dalam komuniti PKS. Usaha ini termasuklah menetapkan garis panduan, memperkuatkuh pendedahan ESG, menyokong pembangunan alat penilaian iklim dan rangka kerja kelestarian, dan menggalakkan penyelesaian hijau, pembiayaan kelestarian, serta inisiatif lain untuk membantu perjalanan ESG perniagaan.



1 Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI)] melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 [New Industrial Master Plan (NIMP 2030)] pada 1 September 2023. Dasar ini bertujuan mentransformasikan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan peningkatan kerumitan ekonomi, pewujudan peluang pekerjaan bernilai tinggi, pemupukan rantaian domestik, penggalakan pembangunan kluster, kemajuan keterangkuman, dan penyokongan amalan ESG.



2 Pada tahun 2023, MITI juga memperkenalkan Rangka Kerja Kebangsaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri (Rangka Kerja i-ESG), secara berperingkat dari segi penerimaan ESG. Fasa pertama, “Just Transition”, bertujuan membantu PKS melaksanakan prinsip ESG di seluruh negara bermula dari tahun 2024 hingga tahun 2026.



3 Pada tahun 2024, SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development (MECD)] menerbitkan panduan ESG bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk membantu PMKS melaksanakan amalan ESG.



4 Capital Markets Malaysia melancarkan Panduan Penzahiran ESG Ringkas bagi Kumpulan Pembangunan Ekonomi Mampan dan Inklusif [Sustainable and Inclusive Economic Development Group (SEDG)] bagi PKS dalam rantaian bekalan pada tahun 2023 yang menyatukan dan meringkaskan banyak rangka kerja yang berkaitan dengan ESG tempatan dan global yang kompleks. Hal ini bertujuan menangani cabaran yang dihadapi oleh perniagaan dengan laporan Skop 3 dan mematuhi piawaian ESG rantaian bekalan global.

Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia



5

Bursa Malaysia melancarkan Platform Pelaporan ESG bagi pelaporan mandatori ESG untuk syarikat tersenarai pada bulan Disember 2023. Inisiatif ini termasuklah semakan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama dan Pasaran ACE, menggalakkan semua syarikat tersenarai untuk mendorong penambahbaikan pelaporan kelestarian dan menyediakan data kritis. Bursa Malaysia juga memperkenalkan Panduan Laporan Kelestarian Ilustrasi Bursa untuk Kumpulan Kemahiran dan Sumber Industri Bumiputera [Bumiputera Industrial Skills and Resources Group (BISRG)] pada tahun 2023, yang menyediakan keperluan pendedahan konsep visual dan melengkapkan BISRG yang ditambah baik (Edisi Ketiga) dan Kit Alat Kelestarian sebagai alat tambahan panduan bagi penerbit tersenarai.



6

PKSlestari merupakan inisiatif SME Corporation Malaysia yang bertujuan memacu penerimaan ESG dengan membangunkan ekosistem kelestarian bagi PMKS. PKSlestari menyokong perjalanan kelestarian PMKS melalui latihan dan panduan merentas enam tahap yang meliputi kesedaran ESG, sokongan dasar dan akses pasaran kepada pembiayaan.



7

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia [Malaysian Investment Development Authority (MIDA)] mempunyai pelbagai inisiatif yang bertujuan membantu PKS dan syarikat peringkat pertengahan beralih kepada amalan ESG, seperti Dana Pencepat Pelaburan Domestik dan program inisiatif geran. MIDA juga melancarkan pelbagai bentuk bantuan bersama dengan SME Corporation Malaysia untuk menggalakkan penerimaan ESG dalam PKS, seperti insentif cukai, alat ESG, dan penilaian komprehensif.



SME ESG HUB

Pusat ESG bagi PKS ialah Platform Sumber ESG sehenti bagi PMKS yang dibangunkan oleh Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu [United Nations Global Compact (UNG)] bersama dengan rakan kongsi sokongan Sarawak Energy, Perbadanan Produktiviti Malaysia [Malaysia Productivity Corporation (MPC)], dan Kumpulan Penerangan Malaysia [Malaysia Aviation Group (MAG)]. Pusat ESG menawarkan pelbagai sumber dalam talian untuk membantu PKS untuk memberikan inspirasi, bertindak, merancang, berkomunikasi.

**ASIA
ESG
POSITIVE IMPACT
CONSORTIUM**

Konsortium Impak Positif ESG Asia bagi Akademi Penciptaan Impak Keusahawanan dan Profesional [Academy for Entrepreneurial and Professional Impact Creation (A-EPIC)] ialah perikatan media tempatan dan asing berpengaruh untuk memupuk pengaruh yang mempromosikan prinsip kelestarian sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi hijau merentasi rantau Asia Tenggara. A-EPIC terdiri daripada Star Media Group (SMG) dari Malaysia, Kompas Garmedia (KG Media) kumpulan media dari Indonesia, dan Inquirer Group of Companies (IGC) dari Filipina.

Bab 5 - Landscape Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia


Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Mengalihkan Perhatian kepada Bengkel dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) / Laman Web Inisiatif Global bagi Maklumat Landscape Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

Pada hari ini, terdapat banyak maklumat tentang kelestarian dan ESG yang mudah diperoleh PKS. PKS harus peka kaedah untuk mendapatkan sumber maklumat relevan dan menggunakan maklumat ini supaya dapat membuat keputusan termaklum untuk perniagaan masing-masing.

Pada tahun 2023, Laporan ESG 1.0 menekankan bahawa sumber maklumat tentang ESG ialah platform media sosial, dengan sebanyak 20% daripada PKS bergantung pada platform ini untuk mendapatkan maklumat. Sementara itu, 19% daripada PKS menyatakan saluran media lain, seperti liputan akhbar, siaran berita, dan rencana berita, laman web dan laman pendidikan (termasuk bengkel, seminar, dan webinar) yang merangkumi 13%; manakala NGO, laman web inisiatif global, dan forum dalam talian menyumbang sebanyak 9% daripada sumber maklumat tentang ESG. Dokumentari dan jurnal menyumbang sebanyak 7% daripada sumber maklumat ESG, dengan surat berita e-mel (e-mail newsletter) menyumbang 4% kepada keseluruhan statistik.

Laporan ESG 2.0 menunjukkan perbezaan ketara dalam pemerolehan sumber maklumat ESG kerana sektor perniagaan yang menerapkan amalan ESG mempunyai kesedaran tinggi dan fokus yang lebih luas serta pendekatan yang lebih tertumpu dalam memperoleh sumber maklumat. Maklumat yang lebih relevan dan khusus diperlukan, seperti pengetahuan industri atau sektor yang mendalam, serta pemahaman yang lebih baik tentang keperluan dasar dan pengawalseliaan, apabila perniagaan mula menerapkan amalan ESG.

Sumber Maklumat ESG

● ESG 1.0 ● ESG 2.0


Q24: Di manakah anda, biasanya mendapatkan maklumat tentang ESG?

Bab 5 - Landscape Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia

Sumber maklumat bagi laman web dan sumber pendidikan, serta laman web inisiatif global dan NGO masing-masing melonjak kepada 23%. Media sosial mencatatkan penurunan kepada 19%, manakala laman web perdagangan kekal pada 13%. Media tradisional menurun kepada 10%, dan penggunaan forum dalam talian, dokumentari, dan surat berita e-mel masing-masing berkurangan kepada 6%, 2% dan 1%. Perubahan ini mencerminkan fasa evolusi, apabila PKS mula beralih ke arah kelestarian.

Media sosial menyumbang kepada peningkatan kesedaran awal, tetapi kini kurang berkesan beberapa tahun kebelakangan ini kerana berhadapan dengan cabaran memberikan pemahaman dan perundingan mendalam yang diperlukan oleh PKS untuk berjaya memulakan perjalanan ESG. Pada hari ini, PKS beralih kepada sumber maklumat rasmi yang mempunyai kesan alam nyata dan rangka kerja pelaksanaan dasar yang dapat membantu dalam merancang perubahan yang lebih ketara.

**Bengkel***Contoh:*

Bengkel Kelestarian berdasarkan Model Kematangan Keupayaan [Capability Maturity Model (CMM)], Laporan ESG dan Pengurusan Karbon Dioksida oleh StarESG Academy

**Seminar***Contoh:*

Program PKSlestari: Seminar dan Bengkel untuk Mempercepat Penerimaan ESG dalam Sektor PKS

**Laman web NGO***Contoh:*


Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei Darussalam (UNGCMYB)



Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia

Peningkatan Minat, Sokongan dan Ketersediaan Maklumat Mendorong Kesedaran Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tentang Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan Ketara

Dalam tempoh dua tahun, kesedaran ESG umum dalam sektor PKS meningkat enam kali ganda. Sebelum ini, hanya sebanyak 14% daripada PKS mempunyai kesedaran ESG, seperti yang dinyatakan dalam Laporan ESG 1.0. Sebaliknya, tahap kesedaran yang mencatatkan sebanyak 80% dalam kalangan PKS dilaporkan dalam Laporan ESG 2.0.



Ini membuktikan bahawa peningkatan fokus kepada amalan perniagaan mampan, dengan penyampaian melalui media, korporat dan usaha kerajaan berjaya menghasilkan peningkatan ketara dalam kesedaran ESG sejak dua tahun kebelakangan ini.

Terdapat lonjakan besar dari segi kesedaran ESG merentas semua sektor. Kesedaran sektor perkhidmatan melonjak daripada 12% dalam ESG 1.0 kepada 78% dalam ESG 2.0, iaitu peningkatan sebanyak 66%. Sektor pembuatan meningkat daripada 18% kepada 84% dengan kenaikan sebanyak 66%. Sektor pembinaan turut melonjak daripada 12% kepada 77% dengan peningkatan 65%. Manakala, sektor pertanian, perlombongan dan perkuarian meningkat daripada 13% kepada 72% dengan kenaikan 59%.

Perkhidmatan

ESG 1.0	12%
ESG 2.0	78%

meningkat +66%

Pembuatan

ESG 1.0	18%
ESG 2.0	84%

meningkat +66%

Pembinaan

ESG 1.0	12%
ESG 2.0	77%

meningkat +65%

Lain-lain

ESG 1.0	13%
ESG 2.0	72%

meningkat +59%

Q22: Adakah anda tahu tentang istilah ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus)?



Komuniti Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Mencatatkan Peningkatan Positif dalam Penerimاغunaan Amalan Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Merentas Pelbagai Sektor

Peningkatan ketara dalam kesedaran prinsip ESG juga telah mendorong peningkatan penerimاغunaan amalan ESG dalam sektor PKS di Malaysia. Arah aliran positif ini digambarkan melalui pengurangan ketara dalam bilangan PKS yang sebelum ini tidak berminat untuk melaksanakan amalan ESG dalam perniagaan mereka.

Seperti yang digambarkan dalam Laporan ESG 1.0, 28% daripada syarikat yang ditinjau telah mengamalkan amalan ESG secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, dalam Laporan ESG 2.0, jumlah ini meningkat kepada 60%.




Peningkatan keseluruhan penerimاغunaan amalan ESG merupakan penunjuk positif bahawa PKS mengiktirafkan manfaat jangka panjang amalan ESG. Manfaat ini merangkumi kelebihan langsung kepada PKS, seperti penjimatkan kos yang ketara, promosi inovasi, dan kejayaan memenuhi permintaan pasaran.

Q26: Adakah syarikat anda kini melaksanakan sebarang inisiatif yang berkaitan dengan ESG?

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bergerak ke Arah Integrasi Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

Dalam kalangan pengamal ESG, hanya sebanyak 12% daripada syarikat menyatakan bahawa amalan ESG telah diintegrasikan sepenuhnya dalam strategi perniagaan Laporan ESG 1.0, manakala 16% mendakwa bahawa amalan ESG telah digabungkan secara separa dalam operasi perniagaan. Dalam Laporan ESG 2.0, bilangan ini meningkat sebanyak 32% daripada syarikat melaporkan bahawa amalan ESG diintegrasikan sepenuhnya dalam strategi perniagaan dan 28% mendakwa telah melaksanakan amalan ESG secara separa, masing-masing meningkat sebanyak 20% dan 12%.

Kategori Penerimagunaan ESG



Syarikat yang sebelum ini berada dalam fasa penerokaan telah mengalami penurunan sederhana daripada 31% kepada 26%. Ini menandakan bahawa sebahagian daripada perniagaan sedang bergerak melangkaui fasa perancangan dan mengambil langkah utuh untuk mengintegrasikan ESG dalam operasi perniagaan mereka.

Kategori perniagaan yang belum mempertimbangkan sebarang amalan ESG juga mencatatkan penurunan yang ketara daripada 41% kepada 14%. Hal ini menunjukkan perubahan pemikiran yang jelas, memandangkan bilangan PKS yang tidak mempedulikan amalan ESG secara langsung berkurang dengan ketara.

Sektor Pembuatan Mendahului Penerimagaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Berbanding Sektor Lain

Dalam penambahbaikan keseluruhan penerimaan ESG oleh PKS, sektor pembuatan menunjukkan kemajuan paling ketara berbanding sektor lain. Dalam ESG 2.0, sektor pembuatan mencatatkan peningkatan penerimaan tertinggi daripada 28% kepada 69%, iaitu kenaikan sebanyak 41%. Sektor ini juga menunjukkan penambahbaikan yang ketara.

Sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian mencatatkan peningkatan sebanyak 38%, iaitu daripada 22% kepada 60%. Sektor pembinaan mengalami peningkatan sebanyak 37%, iaitu daripada 23% kepada 60%. Sektor perkhidmatan juga mengalami pertumbuhan dengan peningkatan sebanyak 20%, iaitu daripada 30% kepada 50%.

Penerimagaan ESG Keseluruhan Mengikut Sektor

Perkhidmatan



ESG 1.0 | **30%**

ESG 2.0 | **50%**

⬆️
meningkat +20%

Pembuatan



ESG 1.0 | **28%**

ESG 2.0 | **69%**

⬆️
meningkat +41%

Pembinaan



ESG 1.0 | **23%**

ESG 2.0 | **60%**

⬆️
meningkat +37%

Lain-lain



ESG 1.0 | **22%**

ESG 2.0 | **60%**

⬆️
meningkat +38%

*Lain-lain termasuk Pertanian, Perlombongan dan Pengkuarian

Q22: Adakah anda tahu tentang istilah ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus)?

Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia

Arah Aliran Perkembangan Penerimaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang Diterajui oleh Sektor Pembuatan

Dalam ESG 1.0, sektor pembuatan melaporkan sebanyak 38% daripada PKS langsung tidak mempertimbangkan amalan ESG. Bilangan ini telah menurun dengan mendadak kepada 7% dalam ESG 2.0. Begitu juga perniagaan yang mengamalkan ESG telah menyusut daripada 34% dalam ESG 1.0 kepada 24% dalam ESG 2.0. Arah aliran ini menunjukkan peralihan positif ke arah penerimaan praktikal amalan ESG, seperti yang dilihat melalui peningkatan dalam bilangan PKS yang menerima pakai amalan ESG secara sepenuhnya dan separa.



Arah aliran peralihan penerimaan, daripada tidak mempertimbangkan amalan ESG kepada mengambil kira amalan ESG, kemudian kepada penerimaan separa amalan ESG, dan akhirnya kepada penerimaan penuh amalan ESG. Arah aliran ini menggambarkan pola yang serupa merentas semua sektor kerana bilangan perniagaan tidak mempertimbangkan amalan ESG telah berkurang, manakala yang menerima pakai separa atau penuh amalan ini telah meningkat dengan ketara.



Peningkatan Tahap Penerimagaunaan ke Arah Permintaan Pengawalseliaan

Sektor dengan kadar tertinggi penerimagaunaan ESG didorong oleh faktor luaran dan tidak terhad kepada keperluan pengawalseliaan daripada syarikat induk dan pelanggan.


Memandangkan sektor pembuatan, pembinaan dan lain-lain sering beroperasi di pasaran antarabangsa, pematuhan terhadap piawaian dan dasar antarabangsa perlu diambil perhatian.



PKS Malaysia perlu segera menerima pakai amalan ESG untuk mematuhi peraturan antarabangsa, serta bersaing secara berkesan di pasaran ini.

Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia

Sektor Perkhidmatan, Pembinaan, dan Pertanian Memperoleh Hasil Penerimagaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)



Di samping itu, Dasar Agromakanan Negara 2021 hingga 2030 (NAP 2.0) Malaysia merupakan inisiatif utama dalam memacu penerimaan amalan ESG. Dasar ini memberikan kesan, terutamanya kepada sektor pertanian, perlombongan, dan perkuarian yang menunjukkan peningkatan ketara dalam pertimbangan dan penerimaan sebenar amalan ESG dalam perniagaan mereka. Kebanyakan perniagaan ini berupaya melaksanakan amalan ESG, sama ada separa atau penuh dalam operasi mereka.


Sektor perkhidmatan juga mencatatkan peralihan positif dalam penerimaan amalan ESG kerana bilangan perniagaan yang sebelum ini tidak mempertimbangkan amalan ESG menurun sebanyak 24%, iaitu daripada 45% dalam ESG 1.0 kepada hanya 19% dalam ESG 2.0. Kebanyakan PKS dalam industri perkhidmatan juga mengintegrasikan amalan ESG, sama ada secara separa atau penuh dalam operasi perniagaan mereka.

Kecekapan Kos, Permintaan Pasaran dan Inovasi ke Arah Penerimagaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

PKS sentiasa meninjau kaedah yang lebih baik untuk meningkatkan prestasi dan keuntungan. Oleh itu, kelaziman dalam amalan ESG, seiring dengan pengiktirafan terhadap pelaksanaan yang berkesan dapat menghasilkan manfaat kewangan dan bukan kewangan.

Manfaat ini menawarkan hasil ketara yang memberikan kesan langsung kepada keuntungan dan kedudukan daya saing perniagaan dalam pasaran, meningkatkan motivasi bagi industri untuk mengamalkan amalan lestari.

Sebab Utama Pengamal Melaksanakan ESG



Walaupun penjimatan kos dan usaha memenuhi permintaan pasaran kekal menjadi faktor utama menerima pakai amalan ESG, terdapat peningkatan kesedaran terhadap inovasi sebagai alternatif bagi mencapai keuntungan dan kelestarian. Pengintegrasian amalan ESG dapat memupuk budaya inovasi dengan menggalakkan PKS untuk membangunkan penyelesaian kelestarian yang menangani cabaran, di samping memacu pertumbuhan jangka panjang, seperti mengoptimumkan proses bagi meminimumkan sisa dan penggunaan sumber, atau melabur dalam teknologi bersih untuk mengurangkan kesan alam sekitar.

● ESG 1.0 ● ESG 2.0

Sebab-sebab ini hanya terdapat dalam ESG 2.0

● ESG 2.0

Q30: Apakah sebab utama ESG dilaksanakan dalam syarikat anda?

Bab 5 – Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia



Penerimangunaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Didorong oleh Sokongan Kerajaan dan Potensi Pertumbuhan Hasil

Terdahulu dalam bab ini, kami meneroka pelbagai jenis sokongan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia untuk membantu PKS mengamalkan amalan ESG dalam perniagaan mereka. Bank Negara Malaysia, khususnya memperuntukkan sebanyak RM900 juta dana pinjaman untuk meningkatkan produktiviti keseluruhan dengan menggalakkan PKS mendigitalkan dan mengautomasikan operasi mereka. Kerajaan mengakui bahawa pelaburan kewangan yang diperlukan untuk menerima pakai amalan ESG mungkin menjadi penghalang bagi PKS, walaupun mereka menyedari potensi hasil masa hadapan. Oleh itu, dana yang disediakan oleh kerajaan bertujuan mengurangkan beban kewangan ini, memudahkan dan menggalakkan perniagaan untuk menerima lebih banyak amalan kelestarian.



Selain itu, Bursa Malaysia mewajibkan semua syarikat tersenarai untuk mematuhi piawaian laporan kelestarian. Keperluan ini telah menggalakkan PKS dalam rantai bekalan syarikat tersenarai untuk menerima pakai amalan ESG. Laporan ESG 2.0 mendapati bahawa PKS yang melaksanakan amalan ESG mencatatkan peningkatan hasil.

Q30: Apakah sebab utama ESG dilaksanakan dalam syarikat anda?

Penerimaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Semakin Meningkat, tetapi Berbeza-beza Mengikut Fungsi Teras Utama


Sebagai respons terhadap faktor utama bagi penerimaan amalan ESG, PKS mula menggabungkan amalan ESG dalam operasi perniagaan mereka. Walaupun, motivasi penerimaan ESG jelas, tahap pelaksanaan masih berbeza-beza merentas tiga fungsi teras utama ESG, menggambarkan perbezaan keutamaan dalam sektor PKS.

Tahap penerimaan amalan alam sekitar terendah dengan hanya sebanyak 28% daripada PKS yang melaksanakan amalan ini. Sehubungan dengan itu, sebanyak 55% daripada PKS berada dalam fasa penerokaan menunjukkan bahawa amalan alam sekitar diiktirafkan dan mungkin berpotensi untuk penerimaan pada masa hadapan.

Amalan sosial menunjukkan tahap penerimaan yang lebih baik dengan sebanyak 42% PKS telah melaksanakan amalan ESG. Selain itu, sebanyak 49% daripada PKS berada dalam fasa penerokaan, menunjukkan bahawa amalan sosial turut mempunyai tarikan yang ketara dan semakin diiktiraf sebagai bidang fokus untuk PKS.

Amalan tadbir urus merupakan fungsi teras utama paling matang dalam sektor PKS di Malaysia, dengan sebanyak 46% daripada PKS telah melaksanakannya. Sebanyak 42% daripada PKS berada dalam fasa penerokaan, iaitu menunjukkan minat dan kemajuan berterusan dalam fungsi teras utama ini.

Keseluruhan Penerimaan ESG Merentas Tiga Fungsi Teras Utama ESG



Nota: Fasa penerokaan merujuk kepada gabungan “Memulakan kemajuan / Melancarkan”, “Merancang / Mereka bentuk”, dan “Mempertimbangkan / Mengiktiraf”






Kawalan Pencemaran dan Pengurusan Air Terhadap Alam Sekitar

Sebanyak 36% daripada PKS telah mula melaksanakan kawalan pencemaran dan pengurusan air, manakala pelaksanaan pengurusan sisa dan sumber melibatkan sebanyak 31% daripada PKS. Pengurangan penggunaan sumber berpotensi meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan kos utiliti. Pelaksanaan amalan mesra alam sekitar penting untuk sektor perniagaan dan dapat membantu menghindari sebarang potensi risiko reputasi atau publisiti negatif yang berkaitan dengan amalan alam sekitar yang tidak baik oleh syarikat.

Walaupun tahap penerimaan yang rendah, lebih banyak PKS meneroka pengurusan tenaga dan iklim dengan sebanyak 60% daripadanya berada dalam fasa penerokaan. Hal ini mungkin disebabkan oleh sokongan dan bantuan kerajaan, seperti Elaun Cukai Pelaburan Hijau [Green Investment Tax Allowance (GITA)] bagi pembelian kelengkapan atau aset. Tahap penerimaan biodiversiti dan ekosistem masih berpotensi untuk berkembang dan berpeluang untuk meningkatkan kesedaran dan tindakan.

Penerimaan Merentas Fungsi Teras Utama Alam Sekitar

Kawalan Pencemaran & Pengurusan Air



- Benar-benar mengamalkan & mendokumenkan / melaporkan
- Mengamalkan, tidak mendokumenkan / melaporkan

- Memulakan kemajuan / Melancarkan
- Merancang / Mereka bentuk

- Mempertimbangkan / Mengiktiraf
- Tidak mengamalkan / meneroka




Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Mempromosikan Kesejahteraan dan Pembangunan Pekerja untuk Memupuk Budaya Tempat Kerja Positif

Kesejahteraan dan pembangunan pekerja mencapai sebanyak 45% tahap penerimaan dalam sektor PKS. Amalan ini dapat membantu syarikat menarik dan mengekalkan bakat kerja terbaik dengan mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong dan berorientasikan pertumbuhan kerjaya. Kepimpinan dan penyelarasang tanggungjawab sosial mencapai tahap sebanyak 42% yang dianggap sebagai tindakan positif oleh PKS untuk mewujudkan persekitaran kerja inklusif untuk menginspirasikan kepercayaan dan kesetiaan dalam kalangan pekerja.

Tahap penerimaan bagi Kepelbagaian, Ekuiti dan Keterangkuman [Diversity, Equity, and Inclusion (DEI)], sebanyak 39% dalam sektor PKS di Malaysia, dengan tumpuan kepada potensi kedudukan sebagai majikan pilihan bagi bakat kerjaya terbaik di negara ini. Walaupun tahap penerimaan dalam penglibatan komuniti dan luar komuniti masih rendah, PKS berhasrat untuk meneroka peluang yang dianggap sebagai bahagian penting strategi tanggungjawab sosial keseluruhan syarikat dalam memenuhi keperluan sosial komuniti tempatan.

Penerimaan Merentas Fungsi Teras Utama Sosial

Kesejahteraan & Pembangunan Pekerja



- Benar-benar mengamalkan & mendokumenkan / melaporkan
- Mengamalkan, tidak mendokumenkan / melaporkan

- Memulakan kemajuan / Melancarkan
- Merancang / Mereka bentuk

- Mempertimbangkan / Mengiktiraf
- Tidak mengamalkan / meneroka

Tahap Penerimagaan Amalan Tadbir Urus Tinggi ke Arah Keperluan Pengawalseliaan

Banyak PKS telah mula melaksanakan struktur tadbir urus dan amalan kepimpinan, seperti struktur lembaga dan audit kewangan yang sesuai dan mungkin diwajibkan mengikut peraturan. Oleh itu, mempengaruhi sebanyak 47% daripada mereka untuk menerima pakai amalan ini bagi memenuhi tanggungjawab undang-undang. Mereka juga melaksanakan etika perniagaan dan inisiatif pengurusan risiko, seperti mematuhi undang-undang privasi dan piawaian pelaporan ESG untuk memenuhi undang-undang antarabangsa.

Teknologi dan tadbir urus data juga dipatuhi oleh hampir separuh daripada PKS, terutamanya yang terlibat dalam pengurusan data pelanggan peribadi atau sensitif. Untuk memastikan pematuhan, PKS juga melaporkan pelaksanaan dasar antirasuah dan perlindungan pemberi maklumat yang kedua-duanya diwajibkan mengikut undang-undang Malaysia, seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Penerimagaan Merentas Tonggak Tadbir Urus

Struktur Tadbir Urus & Kepimpinan	31%	16%	13%	14%	13%	13%
Etika Perniagaan & Pengurusan Risiko	29%	18%	15%	16%	12%	10%
Teknologi & Tadbir Urus Data	28%	18%	16%	14%	13%	11%
Dasar Pencegahan Rasuah & Pemberi Maklumat	27%	16%	15%	13%	15%	14%

- Benar-benar mengamalkan & mendokumenkan / melaporkan
- Mengamalkan, tidak mendokumenkan / melaporkan
- Memulakan kemajuan / Melancarkan
- Merancang / Mereka bentuk
- Mempertimbangkan / Mengiktiraf
- Tidak mengamalkan / meneroka



Nota: Sila rujuk kepada [Lampiran](#) bagi kemajuan penerimaan inisiatif dalam setiap tonggak ESG



Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia

Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Memacu Hasil dan Penjimatan Kos bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Dengan menerima pakai amalan ESG, PKS merentas industri dapat memberikan manfaat kewangan yang ketara, termasuklah pertumbuhan hasil dan penjimatan kos. Laporan ESG 2.0 menunjukkan sebanyak 38% daripada PKS yang menggabungkan amalan ESG mencatatkan peningkatan hasil melebihi 51% peningkatan hasil, menunjukkan potensi amalan kelestarian untuk mencapai keuntungan. Selain itu, sebanyak 24% daripada PKS melaporkan menjimatan kos melebihi 51%, menunjukkan kecekapan operasi yang dihasilkan daripada pelaksanaan teknologi kecekapan tenaga dan strategi kelestarian. Amalan ESG bukan hanya menawarkan daya tarikan, malah dapat meningkatkan prestasi kewangan dan mengukuhkan daya tahan serta memperkuat kelebihan daya saing dalam pasaran.




Perubahan Sikap Bukan Pengamal Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Terhadap Prinsip ESG

Bukan Pengamal ESG menunjukkan peningkatan minat untuk meneroka amalan kelestarian dan prinsip ESG bagi perniagaan mereka. Bahkan, dalam ESG 2.0, sebanyak 52% daripada PKS menyatakan minat untuk menerima pakai ESG dalam tempoh dua tahun mendatang, berbanding hanya sebanyak 33% dalam ESG 1.0.

Hal ini memberikan peluang yang tepat pada masanya bagi institusi kewangan dan pihak berkepentingan utama lain untuk menawarkan sokongan kewangan bersama dengan sumber khusus industri dan program latihan bagi membantu PKS menerima pakai amalan ESG.

Garis Masa Penerimاغunaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi Bukan Pengamal ESG




Q31: Bilakah syarikat anda berkemungkinan akan mempertimbangkan amalan ESG, jika ada?

Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia

Bukan Pengamal Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Turut Mengiktirafkan Penjimatan Kos dan Peluang Pasaran sebagai Motivasi Utama Penerimangunaan ESG

Selain penjimatan kos dan peluang pasaran, faktor lain yang mendorong minat dalam penerimangunaan ESG ialah keupayaan untuk mempromosikan inovasi melalui pembangunan penyelesaian baharu, menawarkan kelebihan daya saing, menarik pelaburan dan mendorong pertumbuhan serta kestabilan jangka panjang.

Motivasi Utama Bukan Pengamal Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) untuk Melaksanakan ESG




● ESG 1.0 ● ESG 2.0 Sebab-sebab ini hanya terdapat dalam ESG 2.0 ● ESG 2.0

Q32: Apakah sebab utama di sebalik pelaksanaan ESG dalam syarikat anda?

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Berhadapan dengan Kos Tinggi, Garis Panduan Kompleks dan Sumber Terhad dalam Penerimangunaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

Memandangkan laporan ini merangkumi aspek positif penerimangunaan ESG dalam landscape PKS, cabaran perniagaan harus diteliti dengan meninjau faktor yang menghambat atau melengahkan usaha untuk menggabungkan amalan lestari.



● ESG 1.0

● ESG 2.0

Hanya terdapat dalam ESG 2.0: ● ESG 2.0

1. Terlalu Banyak Maklumat Pelaksanaan ESG

Dalam Laporan ESG 1.0, sebanyak 36% daripada PKS menekankan kekurangan maklumat dan panduan pelaksanaan ESG. Hal ini menyebabkan desakan ke arah peningkatan kesedaran dan perkongsian maklumat.

Walau bagaimanapun, Laporan ESG 2.0 mendedahkan bahawa berlakunya peralihan dengan sebanyak 37% daripada PKS kini melaporkan beban lebih maklumat ESG, menyebabkan ketidaaan rangka kerja jelas untuk mereka ikuti. Selanjutnya, banyak PKS telah beralih daripada media sosial kepada platform berdasarkan struktur yang teratur, seperti webinar sebagai panduan ESG.

Walaupun terdapat pelbagai usaha telah dilakukan, kebanyakan perniagaan mungkin masih tidak pasti tentang piawaian dan rangka kerja kelestarian yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan mereka.

2. Tiada Lagi Kekurangan Sokongan Kerajaan

Dalam ESG 1.0, sebanyak 29% daripada PKS mengenal pasti kekurangan sokongan kerajaan sebagai cabaran utama untuk menerima pakai amalan ESG. Berdasarkan ESG 2.0, angka ini berkurangan kepada 20%, menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 9%.

Pengurangan ini menunjukkan bahawa inisiatif kerajaan, seperti rangka kerja i-ESG dan Panduan ESG, telah menangani banyak keluhan yang dihadapi oleh PKS.


Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia

Dana Masih Menjadi Kebimbangan Utama Bukan Pengamal Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

Salah satu kebimbangan utama PKS ialah beban kewangan untuk melaksanakan amalan ESG. Sebanyak 67% daripada sektor PKS menyatakan keperluan insentif cukai daripada kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan dan menggalakkan pelaburan dalam teknologi dan operasi mesra alam.

Sebanyak 59% daripada PKS menyatakan bahawa sekiranya lebih banyak geran disediakan untuk menyokong inisiatif ESG, hal ini dapat memberikan galakan kepada PKS. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menyediakan pelbagai pendekatan pendanaan dan geran untuk PKS, seperti Dana Pemacu Pelaburan Domestik [Domestic Investment Accelerator (DIAF)]. Walau bagaimanapun, usaha tambahan dari aspek kewangan daripada pihak berkuasa, syarikat, atau kewangan disambut baik oleh komuniti PKS.

Sokongan Penerimagunaan ESG yang Dijangka daripada Bukan Pengamal ESG



Q83: Apakah sokongan yang anda perlukan untuk membantu syarikat anda memulakan pelaksanaan ESG?

PENDANAAN SENDIRI BAGI MELAKSANAKAN AMALAN ESG

Kos peralihan kepada amalan perniagaan lestari jelas menjadi kebimbangan utama sektor PKS, dan masih terdapat banyak peluang dan potensi dalam bidang ini untuk kerajaan dan sektor swasta membantu dan menyokong perniagaan tempatan.



Pembentangan PKS



Pembentangan Sendiri / Sumber Peribadi

• Pembentangan sendiri	59%	48%
• Sumber persendirian lain	9%	24%

ESG 1.0

ESG 2.0

Nisbah 1 dalam 2 PKS
bergantung pada
sumber sendiri bagi
menjalankan amalan ESG



Pembentangan Institusi

• Institusi Kewangan Pembangunan	16%	36%
• Bank	17%	22%
• Rakan ke Rakan [Peer-to-Peer (P2P)]	7%	19%



Kementerian / Agensi kerajaan

11% 27%

Bank dan kerajaan
telah menyediakan
sokongan lebih
kepada PKS, seperti
dalam ESG 2.0



Pembentangan Ekuiti

• Modal teroka	22%	22%
• Rakan kongsi niaga	16%	16%




Pendanaan Ramai

5% 5%

Sektor kecil dibiayai oleh bank	Perkhidmatan	25%	Pembuatan	24%	Pembinaan	11%	Lain-lain*	21%
22%	Perdagangan Pemberongan dan Peruncitan	35%	Barangan Pengguna	27%	Tiada sektor kecil bagi Pembinaan		Pertanian	18%
	Makanan dan Minuman	30%	Pemprosesan dan Pembuatan Logam	24%				
			Kelengkapan Elektronik dan Elektrik	10%				

Q29: Bagaimanakah amalan / inisiatif ESG syarikat anda dibiayai?

Bab 5 - Landskap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di Malaysia





06

PERBANDINGAN SEKTOR

“Penemuan Laporan ESG 2.0 menunjukkan bahawa sektor PKS semakin mengiktiraf kelestarian sebagai bukan hanya keperluan moral, tetapi juga keperluan strategik.

Pelaksanaan amalan ESG dapat memberikan manfaat transformatif kepada PKS dengan meningkatkan kecekapan operasi, seterusnya membina kepercayaan pihak berkepentingan dan mencapai peluang pertumbuhan baru. SME Corporation Malaysia terus memainkan peranan penting untuk memandu dan memperkasakan PKS, menawarkan saluran terbaik, panduan dan sokongan yang diperlukan untuk menyelaraskan kelestarian dengan keuntungan dan ketahanan dalam melaksanakan ESG.”

RIZAL BIN DATO' NAINY


Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia

Bab 6 - Perbandingan Sektor

PERBEZAAN SEKTOR DALAM ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)


Laporan ini menekankan perbezaan merentas sektor perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, dan pertanian dalam tiga teras utama ESG, iaitu alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Sektor perkhidmatan



Sektor perkhidmatan di Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif berhubung dengan kesedaran terhadap amalan ESG, dengan sebanyak 78% daripada PKS telah biasa menerapkan amalan ESG. Peningkatan ini berikutan kerjasama antara kerajaan, NGO dan sektor swasta bagi mempromosikan ESG dalam kalangan komuniti perniagaan tempatan melalui komunikasi merentas pelbagai platform. Media sosial dan bengkel latihan dikenal pasti sebagai sumber utama penyebaran maklumat yang berkaitan dengan ESG kepada PKS. Laporan ESG 2.0 menekankan bahawa peningkatan sebanyak 20% kadar penerimagaunaan ESG dalam kalangan sektor PKS juga berpunca daripada pelbagai bantuan yang diberikan oleh kerajaan, NGO dan sektor swasta. Contohnya, dana amanah Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia [My Sustainable Development Goals (MySDG)] ditubuhkan untuk menyokong usaha ESG dalam sektor perkhidmatan.


Sektor Makanan dan Minuman [Food and Beverage (F&B)], Perdagangan, Pemborongan dan Peruncitan ke Arah Peningkatan Kesedaran dan Penerimagaunaan ESG



Memandangkan peranan penting industri halal dalam ekonomi di Malaysia, terdapat dorongan kuat bagi sektor makanan dan minuman untuk melaksanakan amalan ESG.

Kepentingan amalan halal di Malaysia bagi sektor PKS dalam mengintegrasikan prinsip ESG, mennunjukkan peningkatan permintaan penggunaan beretika dan mengukuhkan kepimpinan Malaysia dalam ekonomi halal peringkat global. Penyelarasian ini bukan hanya memenuhi jangkaan pengguna, tetapi juga mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan dalam perniagaan.

Sektor Perkhidmatan




Sektor kecil pemborongan dan peruncitan semakin menjurus ke arah menerima pakai amalan ESG, terutamanya disebabkan oleh permintaan pasaran yang meningkat dan keperluan mematuhi amalan kelestarian. Peningkatan permintaan terhadap amalan yang bertanggungjawab dan beretika dari segi alam sekitar mendorong sektor ini untuk menyelaraskan matlamat kelestarian, walaupun menghadapi cabaran, seperti kos pelaksanaan dan keperluan bagi rangka kerja pengawalseliaan yang lebih teguh.

Gambaran Utama Sektor Perkhidmatan

01 >
Sebab Utama Menerima Pakai ESG



- Memenuhi permintaan pasaran
- Mempromosikan inovasi
- Membantu untuk meningkatkan produktiviti
- Meningkatkan pengurusan risiko
- Memperoleh penjimatan kos daripada kecekapan tenaga / sisa



Pengguna muda di Malaysia dilaporkan sanggup membayar produk lestari¹. Oleh itu, pelaksanaan amalan ESG dapat membantu PKS untuk menarik pengguna yang mengutamakan gaya hidup lestari dan beretika. Hal ini juga dapat mencipta banyak peluang di pasaran dan sektor yang menitikberatkan ESG atau Matlamat Pembangunan Mampan [Sustainable Development Goals (SDG)], seperti kerjasama dengan entiti global atau pelabur yang mengutamakan amalan ESG.

Pelaksanaan amalan ESG juga dapat menggalakkan inovasi dengan mendorong PKS untuk memikirkan semula pendekatan tradisional dan membangunkan penyelesaian lestari, cekap, dan bertanggungjawab. Contohnya, membangunkan perkhidmatan beretika atau mesra alam, atau menginovasikan proses pengurangan sisa, tenaga, dan penggunaan sumber yang dapat memenuhi permintaan alternatif.

¹ Rogers, K. (2022, November 9). Indeks Masa Depan Pengguna: Lima jenis pengguna anda perlu fahami. Ernst & Young. https://www.ey.com/en_my/insights/consumer-products/five-types-of-consumer-that-you-need-to-understand

Bab 6 - Perbandingan Sektor

Sektor Perkhidmatan

02 >

Manfaat Penerimaan dan Pelaporan ESG

Tidak Dapat
Digunakan untuk
Bukan Pengamal
ESG



71%

Peningkatan ketelusan


65%

Pengurusan risiko yang lebih baik


61%

Peningkatan kesetiaan jenama

Penerimaan dan pelaporan ESG meningkatkan ketelusan dan memperkuuh amalan pengurusan risiko perniagaan yang merupakan faktor penting dalam mempengaruhi prestasi perniagaan, peningkatan penciptaan nilai jangka panjang, dan membina kepercayaan serta kesetiaan dalam kalangan pihak berkepentingan.

Peningkatan Hasil

Sebanyak 47% daripada pengamal ESG mendapati lebih daripada 51% peningkatan hasil selepas mengintegrasikan amalan ESG dalam perniagaan mereka.

Penjimatan kos

Sebanyak 22% daripada pengamal ESG mendapati lebih daripada 51% penjimatan kos selepas mengintegrasikan amalan ESG.

● ESG 1.0 ● ESG 2.0

Sektor Perkhidmatan

03 >

Sumber Pendanaan

Tidak Dapat
Digunakan untuk
Bukan Pengamal
ESG



Sebanyak 53% daripada PKS lebih cenderung membiaya sendiri inisiatif ESG, manakala sebanyak 35% beralih kepada institusi kewangan pembangunan dan sebanyak 25% sumber pembiayaan daripada bank.

04 >

Cabar

Tidak Dapat
Digunakan
untuk Bukan
Pengamal ESG

Kos tinggi untuk dilaksanakan



36%

Terdapat pelbagai maklumat atau garis panduan tentang ESG yang berbeza, menyebabkan kekeliruan tentang garis panduan yang wajar diikuti



35%

Kekurangan sokongan kerajaan



27%

Kos melaksanakan amalan ESG adalah tinggi disebabkan oleh pelaburan kewangan yang ketara pada peringkat awal perjalanan ESG.

05 >

Sokongan Utama



Sokongan Utama untuk Meneruskan ESG

Garis panduan ESG yang jelas dan boleh diakses



64%

Latihan dibiayai sektor swasta atau kerajaan / peluang pembelajaran



60%

Insentif cukai



51%



Sokongan Utama untuk Memulakan ESG

Insentif cukai



66%

Terdapat garis panduan rasmi ESG yang berkaitan dengan perniagaan



65%

Geran kerajaan




61%

Kewujudan pelbagai garis panduan atau maklumat ESG yang berbeza merupakan suatu cabaran dan PKS mungkin terpaksa bergelut dengan pemahaman dan pematuhan peraturan ESG yang kompleks. Kewujudan garis panduan yang jelas dan rasmi berkaitan dengan perniagaan memudahkan PKS untuk mengemudi landscape ini. Incentif cukai juga dapat mengurangkan beban kewangan yang berkaitan dengan pelaksanaan langkah lestari, seperti mengurangkan kos pelaburan permulaan atau menggalakkan latihan ESG dan pembinaan kapasiti.

Bab 6 - Perbandingan Sektor

Sektor Pembuatan


Tahap Kesedaran




Tahap Penerimagunaan




Peningkatan penerimagunaan ESG mencerminkan usaha bersama kerajaan untuk mentransformasikan sektor pembuatan dengan ketara melalui inisiatif, seperti pengenalan Pelan Induk Perindustrian Baharu [New Industrial Master Plan (NIMP)] 2030 dan Rangka Kerja i-ESG. Pematuhan terhadap piawaian ESG meningkatkan daya tahan rantaian bekalan dan mengekalkan daya saing PKS. Kebanyakan pengamal ESG merupakan pengimport niaga-ke-niaga [business-to-business (B2B)] ke syarikat multinasional dan pasaran global. Peningkatan bilangan pengamal ESG sepenuhnya dalam sektor pembuatan berpunca daripada faktor luar, seperti pematuhan pengawalseliaan dan sokongan bersasar kerajaan¹.

Kesedaran dan Penerimagunaan ESG Memuncak, Didorong oleh Sektor Kecil Logam, dan Barang Pengguna serta Elektrik dan Elektronik

**Perkara Utama**

- ESG 1.0
- ESG 2.0



Pemain industri logam memainkan peranan penting dalam pelepasan yang berkaitan dengan Proses Industri dan Penggunaan Produk [Industrial Processes and Product Use (IPPU)] sektor perindustrian. Sejajar dengan sasaran Sifar Bersih 2050, amat penting untuk sektor PKS meningkatkan kecekapan tenaga dan meneruskan usaha nyahkarbon sebagai langkah memanfaatkan strategi, seperti audit karbon, dasar perkuatian, dan kriteria ESG dalam pelesenan pembuatan².


⁽¹⁾ Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). iESG. MITI. <https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/9849>

⁽²⁾ Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030. Misi. NIMP 2030. <https://www.nimp2030.gov.my/index.php/pages/view/317>

Sektor Pembuatan




Perkara Utama



Lebih ramai pelanggan, terutamanya generasi muda dilaporkan mengubah gelagat pembelian kepada jenama yang paling dipercaya dan menitikberatkan amalan lestari dalam perniagaan mereka³. Kesannya, PKS perlu meneroka kaedah terbaik untuk meningkatkan kelestarian bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.



Perkara Utama




Pelaburan lestari dalam industri elektrik dan elektronik mendapat pengiktirafan yang lebih besar kerana manfaat dan sumbangannya kepada alam sekitar, kepuasan pekerja dan impak positif terhadap kemajuan komuniti. Untuk kekal berdaya saing dalam rantau bekalan global, pemain industri tempatan perlulah menerima pendekatan yang lebih beretika⁴.

Gambaran Utama Sektor Pembuatan

01 >
Sebab Utama Menerima Pakai ESG



- Memenuhi permintaan pasaran
- Meningkatkan pengurusan risiko



- Membantu meningkatkan produktiviti
- Memperoleh penjimatan kos daripada kecekapan tenaga / sisa

Amalan ESG bukan hanya menyelaraskan pengeluar dengan matlamat kelestarian, tetapi juga dapat mendorong penjimatan kos yang ketara. Contohnya, penggunaan jentera cekap tenaga, pencahayaan dan proses yang dapat mengurangkan bil elektrik. Peralihan kepada sumber tenaga boleh baharu, seperti panel solar boleh menstabilkan kos tenaga jangka panjang. Dengan menerapkan amalan ESG, PKS dapat memenuhi permintaan pengguna bagi produk bercirikan tanggungjawab sosial dan mesra alam.

⁽³⁾ Rogers, K. (2022, November 9). Indeks Masa Depan Pengguna: Lima jenis pengguna anda perlu fahami. Ernst & Young. https://www.ey.com/en_my/insights/consumer-products/five-types-of-consumer-that-you-need-to-understand

⁽⁴⁾ Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (2022, Disember 31). MIDA. <https://www.mida.gov.my/outlook-for-the-ee-industry-in-malaysia/>

Bab 6 - Perbandingan Sektor

Sektor Pembuatan

02 >

Manfaat Penerimaan dan Pelaporan ESG


Tidak Dapat
Digunakan untuk
Bukan Pengamal
ESG

**69%****Peningkatan ketelusan****52%****Pengurusan risiko yang lebih baik****49%****Peningkatan kesetiaan jenama**

Penerimaan dan pelaporan ESG mentransformasikan pengurusan risiko bagi pengeluar dengan memberikan mereka gambaran yang dipacu oleh data, memupuk ketelusan dan membolehkan pelaksanaan dan penambahbaikan strategi ESG.

Peningkatan Hasil

Lebih 90% -



Peningkatan keseluruhan hasil
disebabkan oleh penerimaan ESG.

10% atau kurang 13%


Tiada perubahan -

Tidak tahu 27%

Penjimatan kos meningkat merentas semua kumpulan (daripada 11%) kerana PKS berupaya menyatakan kuantiti penjimatan tersebut. PKS yang sebelum ini menyatakan "Tidak tahu" juga telah berkurangan dengan ketara.

Penjimatan Kos

Lebih 90% 2%



10% atau kurang 8%

Tiada perubahan 5%

Tidak tahu 20%


ESG 1.0 ESG 2.0

Sektor Pembuatan

03 >

Sumber Pendanaan

Tidak Dapat Digunakan untuk Bukan Pengamal ESG



Sebanyak 43% daripada PKS lebih cenderung untuk membiayai inisiatif ESG menggunakan dana sendiri dengan sebanyak 41% daripada Institusi Kewangan Pembangunan dan sebanyak 30% daripada kerajaan, kementerian atau agensi.

04 >

Cabarani

Tidak Dapat Digunakan untuk Bukan Pengamal ESG

Terdapat pelbagai maklumat atau garis panduan tentang ESG yang berbeza, menyebabkan kekeliruan tentang garis panduan yang wajar diikuti



Kekurangan sumber / kakitangan / kapasiti



Berkos tinggi untuk dilaksanakan



05 >

Sokongan Utama



Sokongan Utama untuk Meneruskan ESG



Sokongan Utama untuk Memulakan ESG

Garis panduan ESG yang jelas dan boleh diakses



Latihan dibiayai sektor swasta atau kerajaan / peluang pembelajaran



Insentif cukai



Insentif cukai



Geran kerajaan



Garis panduan ESG disediakan yang berkaitan dengan perniagaan syarikat



Garis panduan atau maklumat ESG yang tidak jelas dan seragam menyukarkan PKS untuk memahami dan mematuhi peraturan ESG. Garis panduan atau maklumat ESG perlulah jelas dan seragam supaya PKS dapat memahami dengan mudah. Selain itu, insentif cukai dapat meringankan ketegangan kewangan apabila menerima pakai amalan lestari dengan mengimbangi kos pelaburan, seperti melaksanakan teknologi cekap tenaga atau membeli kelengkapan mesra alam.

Bab 6 - Perbandingan Sektor

Sektor Pembinaan


Tahap Kesedaran





Tahap Penerimagaunaan

Kadar pertukaran lebih tinggi dalam penerimagaunaan ESG mencerminkan usaha dalam industri pembinaan untuk menangani kebimbangan kelestarian yang kian meningkat. Usaha ini termasuklah penggunaan bahan boleh diperbaharui (renewable material) dan bahan kitar semula, menerima pakai teknologi pembinaan lestari, bangunan hijau dan meminimumkan penggunaan tenaga¹.

Gambaran Utama Sektor Pembinaan

01 >
Sebab Utama Menerima Pakai ESG



Sejak pelancaran Dasar Pembinaan Negara [National Construction Policy (NCP)] 2030 pada tahun 2021, kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif strategik untuk menguatkuasakan penilaian kualiti yang lebih ketat, seperti Sistem Pembinaan Kualiti dalam Pembinaan [Quality Assessment System in Construction (QLASSIC)] bagi kualiti pembinaan dan Sistem Penilaian Prestasi Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan [Safety and Health Assessment System in Construction (SHASIC)] bagi prestasi keselamatan. Inisiatif ini mempergiat kawalan kualiti, memastikan pematuhan standard produk, dan mempromosikan garis panduan Perolehan Hijau Kerajaan².

Untuk menerima ESG dalam kalangan bukan pengamat ESG, kaedah yang digunakan adalah mempromosikan inovasi sebagai motivasi utama dengan dorongan inisiatif kerajaan, seperti inisiatif daripada Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia [Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)]. Inisiatif ini menggalakkan penggunaan bahan pembinaan kelestarian, teknologi cekap tenaga, dan penukaran lebih tepat sisa kepada tenaga ke arah penjanaan minat dalam amalan ESG³.

⁽¹⁾ Lembaga Pembangunan Pembinaan Industri Malaysia (2023, November 14). Advancements in Construction: Energy-Efficient Building Materials for Sustainable Future. CIDB. <https://www.cidb.gov.my/eng/advancements-in-construction-energy-efficient-building-materials-for-sustainable-future/>

⁽²⁾ Kementerian Kerja Raya (2022, Oktober). National Construction Policy 2030. <https://www.kkr.gov.my/sites/default/files/2022-10/Dasar-Pembinaan-Negara-NCP2030.pdf>

⁽³⁾ Malaysian Green Technology & Climate Change Corporation (2023, Oktober). <https://www.mgtc.gov.my/wp-content/uploads/2023/10/6-MGTC-GP-CONSTRUCTION.pdf>

Sektor Pembinaan

02 >

Manfaat Penerimaguaan dan Pelaporan ESG

Tidak Dapat
Digunakan untuk
Bukan Pengamalan
ESG



71%

Peningkatan ketelusan



57%

Pengurusan risiko yang lebih baik



52%


Kelebihan persaingan meningkat

Penerimaguaan dan pelaporan ESG memastikan ketelusan amalan ESG, iaitu penggunaan bekalan beretika, bahan lestari pengurusan sisa, penggunaan tenaga, dan pematuhan kawal selia.

Peningkatan Hasil

Lebih 90%  7%

71% - 90% -

51% - 70%  14%31% - 50%  7%33% 11% - 30%  50%67% 10% atau kurang  14%






Tiada perubahan -

Tidak tahu  7%

Semua pengamal ESG dalam sektor ini telah mengalami peningkatan hasil antara 11% dengan 50%.

Penjimatan Kos

Lebih 90% -

71% - 90%  14%51% - 70%  5%31% - 50%  7%14% 11% - 30%  36%62% 10% atau kurang  21%

19%

Tiada perubahan  7%Tidak tahu  7%

Semua pengamal ESG telah mencapai kecekapan kos dengan majoriti pencapaian penjimatan kos antara 11% hingga 30%.

● ESG 1.0 ● ESG 2.0


Bab 6 - Perbandingan Sektor

Sektor Pembinaan

03 >

Sumber Pendanaan

Tidak Dapat Digunakan untuk Bukan Pengamal ESGs



Sebanyak 41% PKS lebih cenderung untuk membiayai sendiri inisiatif ESG, dan sebanyak 32% memperoleh sumber pendanaan daripada Institusi Kewangan Pembangunan, kerajaan, kementerian dan agensi.

04 >

Cabarani

Tidak Dapat Digunakan untuk Bukan Pengamal ESG

Kekurangan pendanaan

46%

Berkos tinggi untuk dilaksanakan

43%

Banyak maklumat / garis panduan berbeza dan tidak jelas tentang ESG

35%

Kekurangan pendanaan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh PKS, apabila menerima pakai amalan ESG. Hal ini mungkin disebabkan oleh kos pendahuluan yang cukup besar yang berkaitan dengan pelaksanaan kelengkapan cekap tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui.

05 >

Sokongan Utama**Sokongan Utama untuk Meneruskan ESG****Sokongan Utama untuk Memulakan ESG**

Garis panduan ESG yang jelas dan boleh diakses

76%

Latihan dibiayai sektor swasta atau kerajaan / peluang pembelajaran

54%

Insentif cukai

49%

Insentif cukai

67%

Garis panduan ESG disediakan yang berkaitan dengan perniagaan syarikat

62%

Latihan dibiayai sektor swasta atau kerajaan / peluang pembelajaran

58%

Kepelbagaiannya garis panduan dan maklumat ESG menyebabkan cabaran bagi PKS. Membangunkan garis panduan yang jelas dan berstruktur dapat membantu PKS mengintegrasikan amalan lestari dengan lebih berkesan. Memandangkan kekurangan akses kepada pendanaan juga menjadi cabaran, insentif cukai dapat menyokong PKS menerima pakai amalan ESG, seperti penggunaan pelbagai bahan dan teknologi pembinaan hijau.

Sektor Pertanian

 **Tahap Kesedaran**





 **Tahap Penerimagaunaan**



Sektor pertanian memainkan peranan penting untuk memastikan keterjaminan makanan global dan berpotensi besar ke arah kelestarian melalui amalan yang mempromosikan pemuliharaan alam sekitar, menggalakkan produktiviti, dan mendukung piawaian beretika. Peningkatan kesedaran dan penerimagaunaan ESG mungkin berasaskan inisiatif yang meningkatkan piawaian dan kecekapan, serta meluaskan akses pasaran.

Gambaran utama Sektor Pertanian

01 >
Sebab Utama Menerima Pakai ESG



- Mempromosikan inovasi
- Membantu meningkatkan produktiviti
- Meningkatkan pengurusan risiko
- Meluaskan pasaran atau menarik pelanggan baharu
- Memenuhi keperluan klien atau memenuhi pasaran eksport
- Memperoleh penjimatan kos daripada kecekapan tenaga / sisa

Menggabungkan amalan kelestarian dalam sektor pertanian dapat menghasilkan penjimatan kos dan meningkatkan kecekapan. Mengguna pakai amalan, seperti teknik perladangan yang cekap, mengoptimumkan penggunaan sumber, dan menerima pakai sistem pengairan yang cekap dapat membantu mengurangkan kos input dan meningkatkan kecekapan sumber.

Menggunakan teknologi untuk meningkatkan produktiviti dan meminimumkan kerja intensif buruh adalah penting untuk menarik lebih ramai belia melibatkan diri dengan aktiviti pertanian. Melalui pengamalan teknologi maju, inovasi dan ESG, sektor pertanian dapat menjadi lebih cekap, inovatif dan mampu menarik minat generasi muda. Hal ini dapat menangani cabaran tenaga kerja dan memastikan kelestarian masa hadapan industri¹.

02 >
Manfaat Penerimagaunaan & Pelaporan ESG

Tidak dapat digunakan untuk Bukan Pengamal ESG



67%

Peningkatan ketelusan



50%

Pengurusan risiko lebih baik



50%

Meningkatkan kesetiaan jenama

Melalui komitmen terhadap amalan ESG, iaitu perladangan organik, pengurusan perosak bersepada, dan penggunaan air yang beretika, PKS dapat memanfaatkan permintaan pasaran yang berkembang untuk menggalakkan penglibatan dan memperoleh sokongan pelanggan².

⁽¹⁾⁽²⁾ Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (2023, Oktober). Garis Panduan Amalan Hijau bagi Sektor Pertanian & Perladangan. https://www.mgtc.gov.my/wp-content/uploads/2023/10/5-MGTC-GP_AGRICULTURE-PLANTATION.pdf

Bab 6 - Perbandingan Sektor

Sektor Pertanian

03 >

Sumber Pendanaan

Tidak Dapat
Digunakan
untuk Bukan
Pengamal



Pembentangan sendiri



Pinjaman P2P



Rakan Kongsi Niaga

Sebanyak 55% daripada PKS lebih cenderung untuk membentangan sendiri inisiatif ESG, manakala sebanyak 27% lebih memilih pinjaman P2P dan pelaburan daripada rakan kongsi.

04 >

Cabarani

Tidak dapat
digunakan
untuk Bukan
Pengamal ESG

Banyak maklumat atau garis panduan berbeza dan tidak jelas tentang ESG



45%

Berkos tinggi untuk dilaksanakan



45%

Kekurangan sumber / kakitangan / kapasiti



36%

Kepelbagai rangka kerja ESG di pasaran menyukarkan PKS untuk memilih rangka kerja terbaik yang sejajar dengan perniagaan mereka, mendorong kepada kekeliruan dan ketidaktekalan. Amalan ESG juga memerlukan pelaburan yang berkost tinggi, seperti panel solar, sistem pengairan, atau kelengkapan perladangan organik.

05 >

Sokongan Utama**Sokongan Utama untuk Meneruskan ESG**

Insentif cukai



73%

Latihan dibentagi sektor swasta atau kerajaan / peluang pembelajaran



73%

Garis panduan ESG yang jelas dan boleh diakses



55%

**Sokongan Utama untuk Memulakan ESG**

Insentif cukai



75%

Geran Kerajaan



67%

Pengurus hubungan dalam institusi kewangan untuk bertindak sebagai duta ESG



45%

Insentif cukai memainkan peranan penting untuk menggalakkan PKS menerima pakai amalan ESG, seperti menerima pakai pendekatan perladangan dan kelengkapan perladangan mesra alam sekitar, seperti sistem pengairan titis dan pam solar. Statistik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda [Muda Agricultural Development Authority (MADA)] di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mendedahkan bahawa sektor pertanian masih dikuasai oleh golongan berumur, dengan purata umur 60 tahun. Pengurus Hubungan memainkan peranan penting untuk mendidik golongan PKS tentang manfaat kewangan amalan ESG.



07

HALA TUJU MASA HADAPAN

"ESG telah membantu PKS di Malaysia untuk lebih berdaya bersaing dalam rantaian bekalan global dan mencapai matlamat negara dalam usaha meningkatkan eksport keluaran PKS kepada 25% menjelang tahun 2025. Laporan ESG 2.0 memberi pengemaskinian yang komprehensif tentang kemajuan ESG dikalangan PKS di Malaysia di samping mengenal pasti aspek-aspek yang memerlukan penambahbaikan. Dengan fokus segmen PKS yang lebih meluas termasuk industri halal, INCEIF University komited untuk meneraju dan memartabat agenda kelestarian dalam industri kewangan Islam dan ekonomi halal."

DR MARJAN MUHAMMAD

Timbalan Presiden Penyelidik Pusat Pengurusan Penyelidikan ISRA, INCEIF University

Pada keseluruhannya, Kesedaran dan Penerimangunaan ESG Dalam Kalangan PKS Di Malaysia Telah Meningkat Sejak ESG 1.0

Adalah penting bagi PKS untuk mengetahui di mana dan bagaimana hendak memulakan perjalanan ESG yang membantu mengoptimumkan masa, kos dan sumber yang diperlukan bagi usaha kelestarian. Kini, terdapat kemajuan jelas dalam kalangan perniagaan di Malaysia ketika mereka beralih secara berterusan ke arah operasi lebih lestari dan mesra alam sekitar dan ini diterajui oleh sektor pembuatan.

Keseluruhan**Perkhidmatan****Pembuatan****Pembinaan****Pertanian**

	ESG 1.0	14%	12%	18%	12%	19%
	ESG 2.0	80%	78%	84%	77%	61%
	ESG 1.0	28%	30%	28%	23%	31%
	ESG 2.0	60%	50%	69%	60%	48%
Trend Utama / Pendorong	Memperhebat usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan penerimaan melalui pelbagai inisiatif (contohnya, NIMP, i-ESG, dll.)	Perubahan dalam permintaan pengguna dan inisiatif kerajaan yang menarik mendorong PKS untuk menerima pakai rangka kerja dan amalan ESG	Desakan pasaran global bagi pematuhan dan kelestarian ESG, bersama dengan peraturan ketat dan peningkatan keperluan ketelusan rantai bekalan dll.	Meningkatkan penekanan mengenai amalan lestari dalam industri pembinaan (contohnya, penggunaan bahan-bahan boleh baharu dan kitar semula, bangunan hijau dll.)	Peningkatan kesedaran dan permintaan pengguna bagi makanan dihasilkan secara lestari menggalakkan PKS pertanian untuk mengintegrasikan amalan ESG; keperluan amalan kelestarian jangka panjang	
Perubahan Segmen (ESG 1.0 berbanding 2.0)	Pengamal Penuh	+20%	+15%	+30%	+11%	+6%
	Pengamal Separa	+12%	+5%	+11%	+26%	+11%
	Sedang Meneroka	-5%	+6%	-10%	-21%	+20%
	Belum Mempertimbangkan	-27%	-26%	-31%	-16%	-36%

Untuk menaikkan kadar penerimaan dalam kalangan perniagaan yang masih belum menerapkan ESG, serta mendorong pengamal untuk meneruskan perjalanan kelestarian, hala tuju masa hadapan adalah dengan menyediakan sumber dan panduan bagi menyokong integrasi ESG.

Sektor Perkhidmatan

Meskipun mempunyai hanya **50% daripada PKS kini menerima pakai ESG**, sektor perkhidmatan membuka peluang ketara bagi pertumbuhan dalam amalan kelestarian. Untuk menggalakkan kadar penerimaan yang lebih tinggi pada masa datang, jenis-jenis sokongan ini diperlukan bagi perniagaan dalam sektor ini:

01 | Meningkatkan Pendidikan ESG

Bagi meningkatkan kesedaran dan penerimaan, adalah penting untuk menyediakan lebih banyak bengkel bersasar dan kursus dalam talian yang memfokus pada aplikasi ESG praktikal yang bersesuaian (contohnya menyasarkan untuk PKS Makanan & Minuman (F&B) dan Peruncitan).

02 | Insentif Kewangan

Menyediakan insentif cukai dan geran bagi PKS yang menerima pakai amalan ESG, terutamanya bagi mereka dalam sektor penggunaan tinggi seperti F&B.

03 | Garis Panduan ESG Ringkas

Mewujudkan garis panduan khusus sektor yang jelas untuk mengurangkan kekeliruan dan membantu PKS dalam pelaporan dan penerimaan ESG yang cekap.



Bab 7 – Hala Tuju Masa Hadapan



Sektor Pembuatan

Berbanding dengan tiga sektor lain, laporan ini menunjukkan **sektor pembuatan mempunyai kadar penerimagunaan tertinggi pada 69%**. Meskipun kadar penerimagunaan tinggi, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam sektor ini. Bagi mencapai hasrat ini, inisiatif bersasar serta sokongan yang lebih baik harus diberi agar dapat mempercepatkan kemajuan sektor ini.



01 | Latihan Khusus Sektor

Menawarkan program latihan khusus terutama untuk sektor pemprosesan logam, barang pengguna dan pembuatan E&E yang bertujuan untuk membantu PKS dalam mempraktikkan pematuhan ESG di dalam dan luar negara.

02 | Pelaporan Diperkemas


Menyediakan rangka kerja laporan yang dikemaskini dan bertepatan untuk sektor pembuatan bagi mengurangkan kekeliruan dengan kewujudan garis panduan yang pelbagai.

03 | Sokongan Kewangan Yang Dipertingkatkan

Meningkatkan akses kepada geran kerajaan dan insentif cukai untuk mengimbangi kos tinggi daripada pelaksanaan ESG, terutamanya eksport niaga-ke-niaga (B2B).

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan mencatatkan **peningkatan dalam penerimagunaan amalan ESG, dan kini berada pada 60%** daripada 23% (2023). Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang selanjutnya dalam sektor yang memerlukan sokongan khusus ini.



01 | Garis Panduan Bersasar


Menyediakan garis panduan ESG yang jelas dan mudah diakses khususnya untuk sektor pembuatan agar penerimagunaan dan pelaporan dapat diselaraskan.

02 | Insentif Kewangan

Menyediakan insentif cukai lebih banyak untuk menyokong beban kewangan penerimagunaan teknologi hijau dan amalan lestari.

03 | Latihan Khusus Sektor

Memperluaskan program latihan yang dibiayai kerajaan yang memfokuskan kepada amalan pembinaan lestari dan pematuhan ESG.



Sektor Pertanian

ESG 2.0 menunjukkan kadar penerimaan teknologi lanjut dalam sektor pertanian telah **meningkat sedikit dengan 48% daripada sektor menerima pakai amalan ESG** daripada 31% (2023). Namun, secara keseluruhan sektor ini memerlukan sokongan untuk memastikan penerimaan teknologi lanjut.

01 | Integrasi Teknologi

Mempromosikan teknologi lanjut seperti AI, dron, dan robotik meningkatkan produktiviti pertanian sejajar dengan matlamat ESG untuk memupuk inovasi, kelestarian, dan menarik minat generasi muda.



02 | Latihan Khusus Sektor

Melaksanakan latihan komprehensif mengenai amalan pertanian lestari dan pelaporan ESG bersesuaian dengan sektor pertanian.



03 | Sokongan Kewangan Dipertingkat

Meningkatkan insentif cukai dan geran kerajaan untuk memudahkan penerimaan teknologi hijau dan amalan lestari, bagi memastikan daya maju dan daya saing jangka panjang.



MENYOKONG PKS DALAM PERJALANAN KE ARAH KELESTARIAN

Dalam usaha mewujudkan komuniti lestari yang menerapkan tindakan bertanggungjawab alam sekitar, etika sosial positif dan tadbir urus yang baik, Alliance Bank merangka dan melancarkan Pendekatan 3A bagi menyokong pelbagai pihak berkepentingan dalam perjalanan mereka ke arah kelestarian.



Sokongan

kami mewujudkan kesedaran melalui sumber-sumber kaji selidik ESG dan pemikiran pemimpin berkaitan seperti Laporan Kaji Selidik ESG, Barometer ESG, Playbook (Buku Panduan) Sektor dan lain-lain untuk menggalakkan penerimanaan amalan ESG dalam kalangan PKS.

Nasihat

kami menawarkan perundingan praktikal dan alat diagnostik seperti alat diagnostik iklim PROGRESS, disediakan bersama dengan UNGCMYB untuk membantu perniagaan membangunkan laporan iklim mereka serta pelan hala tuju kelestarian. Bank memberikan insentif dalam bentuk kadar pembiayaan keutamaan ketika peralihan atau peningkatan perniagaan dalam kadar kematangan iklim seperti yang ditentukan oleh alat ini. Kini, kami telah membantu lebih 1,000 perniagaan untuk memulakan perjalanan iklim ESG mereka.



Jawapan

kami menyediakan penyelesaian berkaitan dengan perbankan dan bukan perbankan untuk menyokong perniagaan dalam perjalanan mereka. Kini, kami telah mencecah lebih RM12 bilion dalam perniagaan perbankan lestari dan berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran RM15 bilion lebih awal daripada masanya.



Bab 7 - Hala Tuju Masa Hadapan



Alat Direka Bentuk Khas Untuk Membantu PKS Menilai, Menerima dan Mengintegrasikan Prinsip-prinsip ESG

Dengan kerjasama UNGCMYB, Alliance Bank dengan bangganya memperkenalkan alat penilaian iklim ringkas dan percuma bagi PKS - **PROGRESS** (PROmoting Green Resilient & Sustainable SMEs). Alat ini menyediakan tanda aras rakan setara dan menghasilkan pelan tindakan peralihan iklim yang disesuaikan untuk pemilik perniagaan. Penilaian ini mengukur prestasi iklim merentas tiga dimensi: tadbir urus iklim, pelepasan gas rumah hijau dan integrasi perniagaan. Soalan-soalan dipermudah dan dikurasi untuk rantaian bekalan korporat, program ESG negeri dan fokus sektor bagi penggunaan PKS dalam format ya / tidak. Adalah opsyenal untuk memasukkan data kualitatif mengenai jejak karbon.

Laporan yang dihasilkan adalah panduan praktikal PKS mengenai perjalanan kelestarian mereka. Di samping itu, berdasarkan kematangan iklim, PKS dapat menikmati kadar pembiayaan keutamaan daripada Alliance Bank untuk pinjaman hijau dan keperluan modal kerja lain.

Laporan Kesediaan Tindakan Iklim

PRO-GRESS Climate Action Readiness Report

Current Report Date: 05-09-2023	Last Submission Date: No Previous Submission
Company:	Industry: K-64-66 Financial and Insurance / Ikliman activities
Company Registration Number:	Email:
Username: cbn12	Company Location: Kuala Lumpur

Your Climate Action Readiness Level: Beginner

Score of Dimensions

Dimension	Score (%)
Climate Governance	77.7%
GHG emissions reduction	71.4%
Business Integration/Integration	94.8%
Climate Action Readiness	81.4%

Peer Comparison Bar

Peer Category	Our Score	Peer Score
Climate Governance	77.7%	85.2%
GHG emissions reduction	71.4%	82.1%
Business Integration/Integration	94.8%	90.5%
Climate Action Readiness	81.4%	87.3%

Pelan Tindakan Peralihan Iklim

CLIMATE TRANSITION ACTION PLAN

This is an overview of Alliance Bank Malaysia's Climate Transition Action Plan. The action plan is structured according to 8 focus areas: climate governance, emissions reduction, and business strategy integration. The management of Alliance Bank Malaysia is committed to implement the following action plan within 18 months from the date of signature.

Climate Governance

Based on the information provided, we recognize that the Company Has established formal levels of climate governance, including a climate policy or environmental, social, and governance (ESG) committee and has appointed a lead individual to coordinate climate-related issues. The following action plan is recommended to ensure that the above group of actions align with the company's climate strategy and are implemented based on the following priorities:

Action	Key Action	Deadline
To improve Climate Governance, the Company will:	<ul style="list-style-type: none"> Appoint a climate officer who ensures the climate strategy complies with environmental, social, and governance requirements. To improve transparency on climate risk, the Company will publish its climate strategy and GHG emissions data in accordance with ISO 14064. To improve climate issues in the Top Management regular meeting agenda. Communicate climate and sustainability to all stakeholders, including business partners and vendors. Carry out regular GHG verification to prove the company's compliance with environmentally friendly practices. 	1-12 Months

GHG emissions reduction

Based on the information provided, we recognize that the Company Has established formal levels of climate governance, including a climate policy or environmental, social, and governance (ESG) committee and has appointed a lead individual to coordinate climate-related issues. The following action plan is recommended to ensure that the above group of actions align with the company's climate strategy and are implemented based on the following priorities:

Action	Key Action	Deadline
To reduce GHG emissions the company will:	<ul style="list-style-type: none"> Conduct energy audit to identify opportunities to improve energy efficiency and reduce energy usage at existing facilities, equipment, processes, and products. Educate employees about energy efficiency and encourage them to use public transport or sustainable commuting. Offer available renewable energy options outside for your company's location and operations. Establish energy policies, grants, and funding programs that can support your renewable energy transition. Consider energy procurement through local power plants (PV), or purchase RE2 from third-party sources (such as Corporate Green Power Programs, CGPP) or subscribe to the Green Grid. Consider implementing energy management systems (such as ISO 50001) and technologies to track and optimize (renewable). Report GHG emissions reductions and reporting is easier the material Scope 2 categories. 	1-12 Months

Business Strategy Integration

Based on the information provided, we recognize that the Company Has established formal levels of climate governance, including a climate policy or environmental, social, and governance (ESG) committee and has appointed a lead individual to coordinate climate-related issues. The following action plan is recommended to ensure that the above group of actions align with the company's climate strategy and are implemented based on the following priorities:

Action	Key Action	Deadline
To integrate climate adaptation and/or resilience strategies into the company's activities by undertaking a climate risk assessment:	<ul style="list-style-type: none"> Conduct climate risk assessment to identify and understand how the climate risks and opportunities will impact the business operations, including supply chains. Identify priority areas where additional safeguards and actions are required to mitigate against the 	1-12 Months
A climate risk register is developed and describes how climate physical and transition risks will affect your business in the short and long term.	<ul style="list-style-type: none"> Employees have attended relevant training programs. There are clear communication channels and measures to address climate-related risks through the 	1-12 Months

Hala Tuju Impak Lestari –
Gambaran Sektor PKS Malaysia (2025)

67



PROGRESS

PROmoting Green REsilient & Sustainable SMEs

PROGRESS dibina berdasarkan metodologi berkaitan dengan Alam Sekitar dan Iklim yang diterima dan akan mendorong penambahbaikan iklim.

PROGRESS adalah sejajar dengan piawaian seperti:



1. Soal Selidik Penilaian

- Soalan dedua mandatori (Y/T) dengan soalan terbuka tambahan / opsyen bagi sesetengah jawapan ‘Y’
- Soalan-soalan berkaitan dengan skor; oleh itu pengelasan adalah seperti berikut:
 - 80% dan atas – **Peneraju**
 - 60% - 79% – **Lanjutan**
 - 40% - 59% – **Pertengahan**
 - 20% - 39% – **Pemula**
 - 19% dan bawah – **Terkemudian**
- Pelan tindakan dicadangkan (1-tahun) akan dihasilkan secara automatik berdasarkan tahap kesediaan iklim



SILA IMBAS

kod QR untuk maklumat lanjut mengenai Alat PROGRESS

Bab 7 - Hala Tuju Masa Hadapan



UN GLOBAL COMPACT
Global Compact
Network
Malaysia & Brunei

2. Hasil Penilaian

The screenshot displays the PRO-GRESS Climate Action Readiness Report interface. It includes sections for the Climate Transition Action Plan, a score of 77.7% across four dimensions, and a peer comparison bar.

- 1** Maklumat anda dan syarikat.
- 2** Penilaian kesedian tindakan perubahan iklim.
- 3** Pencapaian perniagaan dari segi pelbagai dimensi perubahan iklim.
- 4** Perbandingan skor antara syarikat anda dengan lain yang telah melengkapkan penilaian.

3. Pengesahan

- Pelan tindakan Lengkap berbanding Tidak Lengkap
- Meningkat berbanding Menurun dalam penunjuk utama

Manfaat Utama kepada Pengguna Korporat

- **Papan pemuka data** untuk memudahkan kajian semula tahunan klien / vendor
- Membantu dalam membuat keputusan dan campur tangan perlu

Manfaat Utama kepada Pengguna PKS

- Menetapkan pelan peralihan tindakan iklim deskriptif
- Akses insentif kewangan

Alliance Bank akan memberi pembekal insentif peralihan kepada kelestarian dengan menyediakan kadar pembiayaan yang lebih baik apabila skor iklim PROGRESS mereka meningkat

Perubahan Lestari dan Pemerksaan Komuniti Melalui Pendidikan, Penyelidikan Dan Kepimpinan

Sebagai fakulti terbesar di Monash University Malaysia Fakulti Perniagaan merupakan peneraju dalam inovasi, usahawan, dan pengetahuan kelestarian. Ia sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG) dan Prinsip Pendidikan Pengurusan Bertanggungjawab (PRME), memupuk amalan pengurusan bertanggungjawab dan mewujudkan impak masyarakat positif melalui pendidikan, penyelidikan, dan penglibatan.

Pendidikan: Mengintegrasikan Kelestarian dalam Kurikulum

Kurikulum fakulti menggabungkan prinsip-prinsip sosial, alam sekitar dan beretika, menyediakan pelajar untuk menangani cabaran dunia nyata. Kursus-kursus seperti Kepimpinan MGW2991 di Asia, Beretika dan Kelestarian BEW3001 dalam Persekutaran Perniagaan, dan Perakaunan ACM5903 bagi Perniagaan melibatkan pelajar dengan amalan kelestarian dan kepimpinan bertanggungjawab. Ia juga menawarkan mata pelajaran minor dalam Pengurusan Kelestarian dan Kebertanggungjawaban, meluaskan pemahaman pelajar mengenai pengawasan alam sekitar dan tanggungjawab sosial.

Penyelidikan: Memajukan Perniagaan Lestari

Penyelidikan sekolah memfokus pada menangani cabaran kelestarian merentas pelbagai sektor. Kelompok Penyelidikan Perniagaan Lestari menyiasat ESG, kewangan hijau, keadilan teknologi, dan penggunaan lestari. Projek penyelidikan utama termasuk:

- **Meningkatkan Pertumbuhan Kelestarian dalam kalangan PKS Malaysia,** meneroka cabaran penerimaan ESG dan peranan institusi kewangan (dibiayai melalui geran sepadan industri-akademi bersama dengan Alliance Bank).
- **Rantaian Blok di Industri Tenaga Malaysia,** membangunkan rangka kerja undang-undang bagi perdagangan tenaga rakan-ke-rakan (dibiayai melalui geran Kementerian Pendidikan Tinggi).
- **Penggunaan Lestari melalui Voluntary Hostage Posting (Hantaran Tebusan Sukarela)** mempromosikan gelagat mesra alam (dibiayai Geran Benih Monash).

Pendidikan Eksekutif: Memperkasakan Pemimpin Masa Depan

Akselerasi Inovasi SDG bagi program Profesional Muda, dengan kerjasama Rangkaian Kompak Ekonomi Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei, memperkasakan golongan profesional untuk membangunkan inovasi yang dipacu oleh inovasi dalam organisasi mereka. Selama lima tahun yang lalu, peserta daripada syarikat-syarikat tersenarai teratas Malaysia, termasuk Prasarana Malaysia Berhad dan Yinson Holdings Berhad, menghadapi cabaran SDG yang genting bagi perniagaan mereka melalui kem inovasi di Monash.

Meninjau Masa Hadapan

Fakulti Perniagaan Monash University Malaysia kekal komited untuk memacu amalan lestari melalui pendidikan, penyelidikan dan pembangunan profesional berimpak tinggi yang menyokong PKS dan pemimpin perniagaan dalam perjalanan ESG mereka.



SILA IMBAS


kod QR untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif ini oleh Fakulti Perniagaan Monash University Malaysia



Memperkasakan PKS Untuk Memacu Kemajuan Lestari dan Mencipta Masa Depan Lebih Cerah Bersama-sama

Ditubuhkan 150 tahun yang lalu, Zurich merupakan syarikat insurans pelbagai peringkat yang berkhidmat untuk orang ramai dan perniagaan di lebih 200 negara dan rantau. Sebagai satu-satunya jenama global dalam pasaran dibenarkan untuk memegang kesemua empat lesen insurans dan takaful, Zurich Malaysia menawarkan berbagai-bagi perlindungan disesuaikan untuk keperluan-keperluan individu. Dengan komitmen untuk melindungi dan menjaga apa yang paling penting, Zurich Malaysia berdiri sebagai rakan kongsi yang boleh dipercayai, memastikan ketenangan fikiran dan keterjaminan kewangan, membolehkan rakyat Malaysia menerima kehidupan untuk masa depan yang optimis.

Rangka Kerja Kelestarian Zurich mengelompokkan pelaporan dalam tiga bidang fokus: **Planet, Pelanggan dan Manusia** mencerminkan tujuannya untuk mencapai hasil positif yang memanfaatkan planet, pelanggan dan manusia untuk jangka lebih panjang.



Kelestarian Planet

Zurich akan memfokus pada mencapai hasil sifar bersih di samping membantu meningkatkan daya tahan planet dan masyarakat. Mengurangkan pelepasan merupakan teras usahanya.

Sebagai pelabur, sejak tahun 2019, Zurich telah mencapai pengurangan keamatan pelepasan sebanyak 43%¹. Pelepasan dibiayai secara mutlak Zurich berkurang sepanjang tempoh yang sama sebanyak 52%², terutamanya dipacu oleh pengurangan aktiviti portfolio dan pelepasan struktur syarikat-syarikat penerima pelaburan. Pada tahun 2023, portfolio pelaburan impaknya sebanyak USD7.9 bilion membantu menghindari sejumlah 4.5 juta metrik tan pelepasan CO₂e dan memanfaatkan berjuta orang³.

⁽¹⁾ Berbanding dengan asas tahun 2019 Zurich

⁽²⁾ Berbanding dengan asas tahun 2019 Zurich

⁽³⁾ Sila rujuk www.zurich.com/sustainability/customers/investing-responsibly/impact-investment untuk butiran lanjut mengenai pendekatan pelaburan impak. Statistik impak bagi tahun 2021 dan seterusnya termasuk meningkatkan metodologi, seperti yang diterangkan dalam kertas metodologi pengukuran impak: www.zurich.com/-/media/project/zurich/dotcom/sustainability/docs/zurich-impact-measurement-framework.pdf



Kelestarian Pelanggan

Bagi memenuhi keperluan pelanggan yang berubah-ubah, Zurich sentiasa mengembangkan lingkungan produk dan perkhidmatan lestari. Produk dan perkhidmatan ini direka bentuk untuk menyokong aktiviti-aktiviti yang menjana impak alam sekitar atau sosial yang positif dan menyumbang kepada pengurangan risiko iklim.

Zurich bertekad untuk mengendalikan data pelanggan dengan penuh bertanggungjawab, dan mengekalkan kepercayaan pelanggan adalah bahagian yang amat penting bagi cara pengendalian perniagaan. Zurich mengukuhkan keupayaan pengurusan privasinya dan mengatur kedudukan Kecerdasan Buatan (AI) selanjutnya untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan di samping mengurangkan risiko melalui Rangka Kerja Jaminan AI sendiri.

Kelestarian Manusia

Sebagai majikan dan penyedia penyelesaian perlindungan global untuk berjuta-juta manusia, Zurich aktif dalam menyokong sumber manusianya agar kekal bekerja untuk jangka panjang, manakala memenuhi keperluan pelanggan dan masyarakat.

Zurich menyediakan pelanggannya dengan berbagai-bagai peluang untuk mengembangkan dan membangunkan kemahiran dan kerjaya mereka. Zurich juga menyokong pekerja untuk melindungi kesejahteraan fizikal, mental, kewangan dan sosial mereka. Zurich telah menerima pelbagai anugerah dan pensijilan merentas Kumpulan, mengiktiraf komitmennya kepada kepelbagaian, ekuiti, keterangkuman dan kemasyarakatan.

Meninjau Masa Hadapan

Kelestarian adalah bahagian penting sistem nilai Zurich, dan Zurich komited untuk menjadikan perniagaannya lebih berdaya tahan serta membantu pelanggan bersedia demi masa depan. Zurich telah mengintegrasikan kelestarian merentas strategi Kumpulan pada peringkat global dan tempatan.

Demi mencapai cita-cita, Zurich Malaysia akan terus menggunakan teknologi, inovasi, pembelajaran, perkongsian dan tadbir urus sebagai pemboleh daya utama impak pelaksanaan dan penskalaan. Setiap bahagian perniagaan memainkan peranan. Sebagai penyokong, penasihat dan suri teladan, Zurich berhasrat untuk memperkasakan individu, PKS dan organisasi untuk bertindak pada masa ini dan mencipta masa depan yang lebih cerah.



SILA IMBAS

kod QR untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif oleh Zurich Malaysia



Memperjuangkan Peralihan Malaysia Kepada Ekonomi Hijau dan Lestari

Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia [Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)] adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) yang diberi mandat untuk mencepatkan pertumbuhan hijau, mendahuluikan tindakan iklim dan memupuk kehidupan hijau. Menjelang tahun 2030, melalui pelbagai program and inisiatif, MGTC menasarkan untuk memudahkan pelaburan hijau sebanyak RM100 bilion, mewujudkan 230,000 pekerjaan hijau dan membantu Malaysia mencapai pelepasan gas rumah hijau (GHG) sifar bersih seawal sasaran tahun 2050.


PKS dapat memanfaatkan beberapa sumber yang disediakan oleh MGTC untuk menerima pakai amalan lestari, meningkatkan daya saing, dan menyumbang kepada peralihan hijau Malaysia:

Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau & Produk Eko Malaysia (IGEM)



Pameran dan persidangan teknologi hijau ini menghubungkan usahawan dan pelabur serta memperkenalkan inovasi terkini untuk penggubal dasar, organisasi kerajaan, pelabur dan orang awam untuk mewujudkan pembangunan ekonomi lestari dan menginspirasikan tindakan iklim berimpak tinggi di seluruh rantau ini.

Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB)



Rangka kerja dasar berhasrat untuk mengurangkan pelepasan daripada sektor pengangkutan yang kini merupakan penyumbang pelepasan CO₂ kedua terbesar di negara selepas sektor tenaga, menyumbang 25% hingga 30% daripada pelepasan GHG negara dengan kebanyakannya enjin pembakaran dalam (ICE) kenderaan di jalan raya. Pelan tindakan ini membentangkan rangka kerja dasar untuk mengarusperdanakan peralihan ke arah elektrifikasi pengangkutan industri sebagai strategi utama untuk mengurangkan pelepasan dan menyumbangkan ke arah pencapaian sasaran GHG yang ditetapkan negara di bawah Perjanjian Paris.



Pelan Induk Teknologi Hijau Malaysia 2017 – 2030



Dokumen ini menggariskan pelan strategik pembangunan teknologi hijau untuk mewujudkan ekonomi karbon rendah dan cekap sumber, serta menetapkan tindakan serta-merta bagi negara memulakan perjalanan pertumbuhan hijau. Ia menyediakan asas untuk menetapkan perubahan minda dan tingkah laku, untuk memupuk kehidupan hijau dalam kalangan rakyat. Pelan Induk ini adalah perlu untuk memudahkan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang merupakan inisiatif untuk meletakkan kedudukan Malaysia dalam kalangan negara-negara teratas di dunia dari segi pembangunan ekonomi, kesejahteraan warganegara dan inovasi menjelang tahun 2050.

Meninjau Masa Hadapan

MGTC komited untuk menyokong peralihan Malaysia kepada ekonomi rendah karbon, cekap sumber, dan lestari di samping menghadapi perubahan iklim dan memastikan pertumbuhan ekonomi seiring dengan perlindungan alam sekitar dan kesejahteraan sosial.



SILA IMBAS

kod QR untuk sumber lanjut yang disediakan oleh MGTC

Memperkasakan Kelestarian dan Pertumbuhan Beretika Bagi PKS

Ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai universiti kepimpinan pemikiran utama dalam kewangan Islam dan ekonomi halal, INCEIF University komited untuk memajukan amalan perniagaan beretika dan lestari. Melalui pendidikan, badan rundingan, penyelidikan, dan seterusnya, ia mengintegrasikan prinsip-prinsip kelestarian dan beretika dalam setiap aspek misinya, secara konsisten menetapkan tanda aras baharu bagi impak, inovasi dan kepimpinan global.

Penyelidikan: Penilaian ESG-i Holistik bagi PKS

Beredediasi untuk menangani cabaran unik dihadapi oleh perniagaan dalam landskap kelestarian yang kompleks pada masa ini, INCEIF University telah memulakan misi untuk memperkasakan tulang belakang ekonomi Malaysia — PMKS—memastikan tiada siapa yang ketinggalan. Bekerjasama dengan Ficus Capital, firma modal teroka Islam ESG yang pertama di dunia, kedua-dua pihak telah membangunkan Rangka Kerja Penilaian ESG-i, iaitu wadah transformatif yang mengintegrasikan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan nilai-nilai Islam.



Dengan sokongan daripada Skim Geran Penyelidikan Prototaip (PRGS) Kementerian Pengajian Tinggi, rangka kerja ini berkembang ke dalam alat dalam talian dengan papan pemuka interaktif yang PKS dapat mengakses, mengesan dan memuat turun laporan mengenai prestasi kelestarian mereka dengan cadangan-cadangan disesuaikan untuk memandu mereka dalam perjalanan kelestarian. Melalui inisiatif ini yang disokong oleh rakan usaha sama strategik, iaitu Alliance Bank, Yayasan Hijau Malaysia, dan The Noor, INCEIF bukan sahaja memudahkan impak dunia nyata tetapi juga memperjuangkan PKS sebagai pemacu kelestarian dan kebertanggungjawaban.

Penyelidikan: Memajukan Perniagaan Lestari

Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam Perniagaan Lestari di INCEIF University merupakan program transformatif direka bentuk untuk melengkapkan profesional dengan pengetahuan dan kemahiran untuk memimpin dalam landskap ESG yang berkembang. Dengan kurikulum yang mengintegrasikan amalan kelestarian ke dalam teknik pengurusan lanjutan, kursus-kursus seperti Pengurusan dan Pelaburan Kelestarian

Dengan kurikulum yang mengintegrasikan amalan lestari ke dalam teknik pengurusan lanjutan, kursus-kursus seperti Pengurusan dan Pelaburan Kelestarian, Kewangan Sosial, dan Etika dan Tadbir Urus menyediakan pelajar untuk mengimbangi kelestarian dengan dimensi ESG berimpak tinggi. Graduan memperoleh manfaat daripada belajar terus daripada pemimpin industri dan ahli akademik dengan kepakaran dunia nyata melalui projek-projek amali, kajian kes, Pembelajaran Berasaskan Tindakan dan bimbingan profesional.



Pendidikan Eksekutif: Memperkasakan Profesional dalam Kelestarian

Kelas pakar mengenai Kelestarian, diperkenalkan oleh INCEIF University, memperkasakan profesional untuk mengemudi kerumitan integrasi ESG dan amalan perniagaan lestari. Direka bentuk untuk memupuk kepimpinan berimpak tinggi, program ini menyelidiki bidang-bidang kritikal seperti mencapai pelepasan sifar bersih, memanfaatkan pasaran karbon, dan menjajarkan strategi korporat dengan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Melalui perbincangan yang menarik dan rangka kerja yang boleh diambil tindakan, program ini melengkapkan pemimpin masa depan dengan wadah untuk memacu perubahan yang bermakna dalam organisasi mereka dan seterusnya.

Meninjau Masa Hadapan

INCEIF University kekal komited untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip ESG dalam kewangan Islam, melengkapkan pemimpin masa akan datang untuk membentuk ekonomi lestari dan beretika. Dengan memupuk inovasi, pendidikan dan kerjasama, universiti ini sedang membina laluan perniagaan agar sejajar dengan matlamat kelestarian global di samping mematuhi etika agama Islam.



SILA IMBAS

kod QR untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif oleh INCEIF University

KESIMPULAN

Masih banyak yang perlu dilakukan untuk kita mencapai pengurangan sebanyak 45% gas rumah hijau (GHG) seluruh ekonomi menjelang 2030 seperti yang dimertai di dalam Nationally Determined Contribution (NDC), dan mencapai aspirasi karbon sifar menjelang 2050.

Memandangkan perniagaan memainkan peranan penting dalam memajukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), PKS semestinya mencepatkan tindakan dan bekerjasama dengan cara baharu untuk memberi impak yang ketara atau memacu perubahan bermakna untuk mencapai kemajuan ESG yang besar. Kami di Alliance Bank komited untuk memainkan peranan kami. Memandangkan masa untuk mengukuhkan komitmen dan tindakan adalah sekarang, kami berasa bangga untuk bekerjasama dengan Monash University Malaysia, Zurich Malaysia, Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei Darussalam [United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB)], Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia [Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)], SME Corporation Malaysia, dan INCEIF University dalam meningkatkan kesedaran ESG dalam kalangan PKS di Malaysia dan

menyokong penerimangunaan amalan kelestarian untuk mewujudkan impak positif kepada perniagaan mereka, komuniti tempatan dan alam sekitar.

Penyelidikan bersama ini menyokong strategi untuk menerajui penerimangunaan ESG dalam kalangan perniagaan kerana ia menyediakan gambaran penting dalam landscape semasa PKS di Malaysia, mendedahkan kesediaan dalam memenuhi kawal selia, pasaran, dan permintaan kewangan yang berkembang serta manfaat berpotensi diperoleh daripada mencipta peluang-peluang pasaran baharu.

Meninjau masa depan, kami berhasrat untuk terus menyokong syarikat-syarikat dalam mengintegrasikan prinsip-prinsip ESG dalam perniagaan teras mereka dan merealisasikan kejayaan bersama dalam kalangan rakan kongsi utama dan ahli dalam ekosistem ESG.

Sebagai penutup, kami ingin merakamkan terima kasih kepada semua rakan kongsi, responden dan penyokong kami atas sumbangan bernilai kepada laporan ini dan sokongan yang berterusan dalam usaha kerjasama yang membolehkan kemajuan mewujudkan masa depan lestari untuk semua.





LAMPIRAN

“Laporan ESG 2.0 menunjukkan peralihan optimistik dalam kesedaran dan penerimaan ESG di kalangan PKS. Matlamat kami di Alliance Bank adalah untuk terus menyokong PKS dalam pengurusan ekosistem ESG yang kompleks melalui penyelesaian mudah yang memfokus pada menguruskan risiko dan memanfaatkan pasaran hijau yang sedang berkembang. Pada masa yang sama, kami percaya bahawa tiada yang akan ketinggalan dan kami berasa teruja untuk meneruskan perjalanannya dengan rakan kongsi yang dihormati untuk memastikan peralihan yang inklusif dan adil untuk semua.”


RIZAL IL-EHZAN FADIL AZIM

Ketua Pegawai Eksekutif Alliance Islamic Bank Berhad



Tahap Penarimuganaan Amalan Alam Sekitar

Kawalan pencemaran dan pengurusan air merupakan perhatian alam sekitar yang paling utama dengan lebih 30% daripada PKS telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk mengawal air dan pencemaran udara serta mengurangkan penggunaan air. Di samping itu, 68% daripada PKS berada dalam fasa penerokaan melaksanakan sistem seperti pencahayaan untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan meningkatkan kecekapan.



- Benar-benar mengamalkan & mendokumenkan / melaporkan
- Mengamalkan, tidak mendokumenkan / melaporkan

- Memulakan kemajuan / Melancarkan
- Merancang / Mereka bentuk

- Mempertimbangkan / Mengiktiraf
- Tidak mengamalkan / meneroka



Tahap Penerimagunaan Amalan Sosial

Untuk tonggak sosial, kesejahteraan dan peningkatan prestasi pekerja mempunyai kadar penerimagunaan tertinggi dengan 52% daripada PKS menitikberatkan amalan yang adil dan hak kemanusiaan dalam rantaian bekalan yang bertanggungjawab. Hampir 60% daripada PKS berminat untuk menggunakan teknologi dan analisis data untuk menilai dan mengoptimumkan amalan sosial — sebagai contoh, untuk mengenal pasti faktor-faktor kritikal yang mempengaruhi isu-isu sosial atau untuk meramalkan trend dan hasil masa depan.

Kesejahteraan & Pembangunan Pekerja

25%	20%	15%	17%	16%	7%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Mengutamakan amalan buruh dan hak kemanusiaan yang adil dalam tanggungjawab rantaian bekalan

29%	23%	14%	15%	13%	6%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Menilai dan menyesuaikan struktur pampasan dengan proaktif

28%	18%	14%	15%	17%	8%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Dasar dan usaha dalam meningkatkan kesejahteraan pekerja, termasuk kesihatan fizikal dan mental

26%	20%	13%	18%	16%	7%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Meningkatkan kemahiran pekerja dengan dengan proaktif dan melabur dalam pembangunan profesional mereka

24%	23%	19%	16%	12%	6%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Teknologi & analitik data untuk pengoptimuman amalan sosial

19%	16%	18%	19%	21%	7%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Kepimpinan & Penyelarasaran Tanggungjawab Sosial

23%	19%	16%	18%	14%	10%
-----	-----	-----	-----	-----	-----

Kepimpinan dan pengurusan memainkan peranan penting dalam memacu perubahan sosial

28%	21%	14%	16%	14%	7%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Amalan-amalan sosial sejajar dengan misi & nilai-nilai syarikat

22%	19%	18%	19%	16%	6%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Laporan mengenai impak sosial kepada pihak-pihak luaran

20%	16%	16%	17%	13%	18%
-----	-----	-----	-----	-----	-----

Kepelbagaian, Ekuiti & Keterangkuman

20%	19%	16%	21%	16%	8%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Penglibatan Komuniti & Luar Komuniti

19%	17%	17%	18%	18%	11%
-----	-----	-----	-----	-----	-----

Menjalankan kerja amal dan inisiatif sosial

25%	20%	15%	15%	16%	9%
-----	-----	-----	-----	-----	----

Membentuk perkongsian dan kerjasama untuk menyokong inisiatif sosial

17%	15%	17%	20%	18%	13%
-----	-----	-----	-----	-----	-----

Metrik kejayaan untuk amalan sosial

16%	16%	19%	19%	19%	11%
-----	-----	-----	-----	-----	-----

- Benar-benar mengamalkan & mendokumenkan / melaporkan

- Mengamalkan, tidak mendokumenkan / melaporkan

- Memulakan kemajuan / Melancarkan

- Merancang / Mereka bentuk

- Mempertimbangkan / Mengiktiraf

- Tidak mengamalkan / meneroka



Tahap Penerimangunaan Amalan Tadbir Urus

PKS amat menitikberatkan amalan tadbir urus. Lebih 50% daripada PKS mendirikan jawatankuasa audit bagi menggalakkan kelestarian, akauntabiliti, dan strategi selari dengan prinsip ESG. PKS juga mengamalkan pematuhan undang-undang, etika perniagaan dan nilai murni di dalam proses membuat keputusan mereka.

Struktur Tadbir Urus & Kepimpinan

Jawatankuasa Audit	31%	16%	13%	14%	13%	13%
--------------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Lembaga Pengarah Bebas	40%	12%	10%	15%	13%	10%
------------------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Komitmen kepimpinan dalam ESG	28%	15%	13%	14%	11%	19%
-------------------------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Komitmen kepimpinan dalam ESG	25%	20%	15%	16%	15%	9%
-------------------------------	-----	-----	-----	-----	-----	----

Etika Perniagaan & Pengurusan Risiko

Pematuhan undang-undang privasi	35%	21%	14%	13%	12%	5%
---------------------------------	-----	-----	-----	-----	-----	----

Etika perniagaan yang baik dalam membuat keputusan	32%	22%	15%	14%	10%	7%
--	-----	-----	-----	-----	-----	----

Rangka kerja penajaran strategi global / tempatan	21%	12%	16%	19%	13%	19%
---	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Teknologi & Tadbir Urus Data

Dasar keselamatan siber	28%	18%	16%	14%	13%	11%
-------------------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Teknologi & alat untuk kewangan, operasi, data ESG	30%	19%	15%	15%	12%	9%
--	-----	-----	-----	-----	-----	----

Dasar Pencegahan Rasuah & Pemberi Maklumat

Dasar antisogokan / rasuah	27%	16%	15%	13%	15%	14%
----------------------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Skim pemberi maklumat	30%	17%	14%	13%	15%	11%
-----------------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

- Benar-benar mengamalkan & mendokumenkan / melaporkan

- Mengamalkan, tidak mendokumenkan / melaporkan

- Memulakan kemajuan / Melancarkan

- Merancang / Mereka bentuk

- Mempertimbangkan / Mengiktiraf

- Tidak mengamalkan / meneroka

PENGIFTIRAFAN

Pemimpin:



Alliance Bank

DR AARON SUM WEI WERN

Ketua Pegawai Strategi & Transformasi
aaronsww@alliancefg.com

ANDREW AW CHEE LOONG

Naib Presiden Kanan
 Ketua Strategi & Transformasi
andrewawcl@alliancefg.com

CHANG LI HUI

Ketua Matlamat Pasaran
changlihui@alliancefg.com

AARON LEE

Penolong Naib Presiden, Matlamat Pasaran
leexinmin@alliancefg.com

Rakan Kongsi Pengetahuan:



**Fakulti Perniagaan,
 Monash University Malaysia**

DR AVVARI V. MOHAN

Profesor (Inovasi & Strategi)
 Timbalan Ketua (Penglibatan & Impak)
avvari.mohan@monash.edu

DR KAREN KHAW

Profesor Madya
 Ketua Jabatan Kewangan
Karren.Khaw@monash.edu

Rakan Kongsi Pengetahuan:

Zurich Malaysia



JUNIOR CHO

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Negara
junior.cho@zurich.com.my

TERESA WONG

Ketua Pegawai Risiko (Segmen Am)
 Ketua Risiko Kelestarian
teresa.wong@zurich.com.my



For The Future

www.alliancebank.com.my

© Alliance Bank - Hala Tuju Impak Lestari - Gambaran Sektor PKS Malaysia (2025)

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)